

Jilid I
Bil. 8



Hari Khamis
16hb Oktober, 1986

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAH:

Y.B. Tuan Daim Zainuddin [Ruangan 973]

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Gambar Foto Ahli-ahli [Ruangan 973]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 973]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1986) [Ruangan 1013]

USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) 1986 [Ruangan 1013]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).
- „ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).
- „ Menteri Penerangan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).
- „ Menteri Pertahanan, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Luar Negeri, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

- Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- .. Menteri Pelajaran, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).
- .. Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- .. Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- .. Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- .. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Rompin).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- .. Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMED YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARA BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO KOK WEE KIAT (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN WOON SEE CHIN (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN (Raub).
- .. Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN (Baling).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- .. TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- .. TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- .. DR ABDUL HADI BIN DERANI (Kota Setar).
- .. DATU ABDUL HAMID BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Limbawang).
- .. TUAN ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD (Sungai Petani).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- .. TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- .. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATO' ABDULLAH AHMAD (Kok Lanas).
- .. TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- .. TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- .. TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- .. DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- .. TUAN AHMAD BIN OMAR (Pagoh).
- .. TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubuk Antu).
- .. TUAN BASRI BIN BAJURI (Kuala Langat).
- .. TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. TUAN CHEW KAM HOY (Padang Serai).

- Yang Berhormat TUAN CHIAN HENG KAI *alias* CHIAH SOO HA (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI *alias* NG SING SAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN (Tanah Merah).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB (Sabak Bernam).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGA (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
- „ DATO' KAMARUZAMAN BIN AHMAD (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).

Yang Berhormat TUAN LOKE YUEN YOW (Tanjong Malim).

- .. TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- .. TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL BIN PANSAI (Kota Belud).
- .. TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG (Jambongan).
- .. TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH (Maran).
- .. TUAN MOHAMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF (Balik Pulau).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED BIN ISA (Kuala Kerai).
- .. TUAN MOHAMED BIN JAMRAH (Bagan Datok).
- .. DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- .. TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN (Muar).
- .. TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- .. TUAN HAJI MOHAMED YAACOB (Rantau Panjang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF (Tasek Gelugor).
- .. DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- .. TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- .. TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG (Sepang).
- .. TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- .. DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- .. TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- .. DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- .. TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- .. TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- .. TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- .. TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).

Yang Berhormat DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

- „ TUAN M. G. PANDITHAN (Tapah).
- „ DR PATAU RUBIS (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ TUAN RAILEY BIN JEFFREY (Silam).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM (Arau).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM (Hulu Selangor).
- „ DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ TUAN TAN KOON SWAN (Gopeng).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LIANG KIEW (Bintulu).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
- „ PUAN ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHORI (Sik).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Julia binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Khamis, 16hb Oktober, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
perkerusi Mesyuarat)

MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah Mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Tuan Daim Zainuddin.

PENGUMUMAN TUAN
YANG DI-PERTUA

GAMBAR FOTO AHLI-AHLI

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak menyampaikan pesanan daripada juru gambar RTM kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang belum lagi mengambil gambar foto masing-masing. Hanya lebih kurang 70 orang sahaja yang telah mengambilnya. Tempat pengambilan gambar itu ialah Bilik Jawatankuasa No. 3 di Lantai Mezzanine.

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PEMOHON RUMAH PANGSA
DEWAN BANDARAYA

1. **Tuan Tan Kok Wai** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan

jumlah bilangan pemohon yang memohon untuk menyewa rumah pangsa Dewan Bandaraya sehingga akhir Ogos, 1986 dan terangkan sejauh mana kemampuan Kerajaan untuk memenuhi permintaan untuk mendapatkan rumah pangsa kos rendah Dewan Bandaraya.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):

Tuan Yang di-Pertua, dalam bulan Februari, 1983 Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah memulakan sistem pendaftaran terbuka bagi mereka yang ingin memiliki rumah pangsa Dewan Bandaraya. Sehingga bulan Ogos, 1986 terdapat sejumlah 49,939 pemohon yang sudah didaftar untuk menyewa rumah pangsa Dewan Bandaraya. Dari jumlah ini sehingga bulan Ogos 1986, 4,621 pemohon telah ditawarkan menyewa rumah pangsa Dewan Bandaraya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, sejak tahun 1975 hingga tahun 1985, Dewan Bandaraya telah menyiapkan pembinaan sebanyak 38,655 unit rumah awam kos rendah. Di samping itu, sebanyak 12,684 unit sedang dalam proses pembinaan. Bagi Rancangan Malaysia Kelima sebanyak 3,614 unit sedang dirancang untuk dibina.

Selain dari itu, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Program Penswastan akan membina sebanyak 12,333 unit rumah awam kos rendah. Dengan adanya pembinaan rumah-rumah kos rendah ini, sama ada oleh

Dewan Bandaraya ataupun melalui projek penswastaaan, adalah diharap dapat memenuhi sebilangan besar permintaan bagi rumah awam kos rendah.

Dr V. David: Tuan Yang di-Pertua, bekas Timbalan Perdana Menteri ada janji tahun lepas, tiap-tiap tahun membina 80,000 unit rumah pangsa harga rendah akan dibina. Bolehkah bagi keterangan, kalau ada ikut janji ini? Adakah Dewan Bandaraya membina 80,000 rumah pada tahun ini dan pada tahun akan datang?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bandaraya tiada janji hendak membina 80,000 unit rumah murah tiap-tiap tahun.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa kekurangan rumah pangsa untuk disewa di Bandaraya Kuala Lumpur ini telah menghadapi satu tahap yang serius dan memandangkan bahawa buat masa kini Dewan Bandaraya adalah memperuntukkan dua jenis rumah pangsa, satu untuk disewa dan satu untuk dijual, maka saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sama ada Kementerian bercadang untuk menambah kuota ataupun peruntukan rumah pangsa yang dibina untuk disewa memandangkan bahawa ini ialah satu kategori yang begitu genting?

Kedua, sama ada Kementerian bercadang untuk membina rumah panjang secara besar-besaran di tapak yang kosong dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan asas ataupun apa yang saya sifatkan dalam bahasa Inggeris "transitional quarters" untuk menempatkan mereka yang telah memohon begitu lama tetapi sehingga hari ini belum dapat berjaya untuk mendapat rumah pangsa ini?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebagai penjelasan, rumah-rumah pangsa Dewan Bandaraya yang disewakan adalah rumah-rumah yang mana peruntukan diperolehi melalui Kerajaan Persekutuan iaitu pinjaman kepada Dewan Bandaraya. Di dalam Rancangan Malaysia Kelima, jika peruntukan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan dapat disalurkan, maka kita akan membina banyak lagi rumah-rumah untuk disewa. Di samping itu, kita sedar bahawa bagi mereka yang tidak layak ataupun tidak mempunyai kemampuan kewangan bagi membeli, kita akan memberi keutamaan kepada mereka untuk menyewa.

Dari segi rumah-rumah panjang, memanglah menjadi dasar Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya untuk membina seberapa banyak rumah panjang yang boleh, untuk memenuhi keperluan perumahan di Bandaraya Kuala Lumpur dan rumah-rumah panjang ini akan disediakan dengan kemudahan-kemudahan asas.

PENGANGGURAN BELIA/ BELIAWANIS—LANGKAH MENGATASI

2. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan minta Menteri Buruh menyatakan memandangkan jumlah pengangguran menjangkau angka 300,000 di kalangan belia/beliawanis pada tahun 1990, apakah rancangan Kementerian bagi mengatasi dan mengurangkan masalah ini.

Menteri Buruh (Dato Lee Kim Sai): Tuan Yang di-Pertua, jumlah pengangguran dianggarkan akan meningkat daripada 448,600 pada tahun 1985 kepada 684,200 pada tahun 1990. Keadaan ini disebabkan oleh pertumbuhan ekonomi yang lembab akibat kemelesetan ekonomi dunia yang menjejaskan juga ekonomi kita.

Hasil pengeluaran negara di beberapa sektor utama pada tahun lalu tidak memuaskan dan akibatnya jumlah pekerjaan telah berkurangan. Kerajaan kita telah mengambil berbagai langkah untuk mengatasi masalah ini.

Bagi jangka masa pendek, Kerajaan sedang melaksanakan langkah-langkah yang disyorkan oleh Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai Kemelesetan Ekonomi Negara. Di antara langkah-langkah jangka masa pendek bagi mengurangkan pengangguran adalah seperti berikut:

- (i) pembinaan 80,000 unit lagi rumah kos rendah setahun di bawah program khas bagi tempoh 1986-1988;
- (ii) pengubahsuaian tanah lombong untuk kegunaan pertanian;
- (iii) kerja-kerja membina jalanraya dan jalan-jalan kecil yang banyak menggunakan tenaga buruh termasuk pembinaan jalan kecil dan jalan menyambung bagi menyokong kegiatan pertanian dan industri kecil;
- (iv) melaksanakan program pembinaan Lebuhraya dengan tumpuan ke atas pertambahan penggunaan bahan-bahan tempatan seperti simin, keluli dan lain-lain bagi menambah lagi peluang pekerjaan.
- (v) latihan yang padat dan mengambil masa yang pendek serta program-program melatih semula dalam bidang pertukangan yang mempunyai peluang pekerjaan bagi penganggur dan mereka yang diberhentikan kerja.
- (vi) langkah-langkah menyekat kemasukan pekerja-pekerja asing serta menghantar pulang pendatang-pendatang haram.

Bagi jangka masa panjang pula, Kerajaan juga sedang berusaha menambahkan peluang perkerjaan melalui galakan-galakan pelaburan khususnya melalui Akta Galakan Pelaburan 1986, yang mana skopnya meliputi bukan sahaja untuk mengembangkan sektor perindustrian, tetapi juga sektor pertanian dan lain-lain aktiviti perdagangan. Tambahan pula Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan kelonggaran syarat-syarat equity dan sebagainya bagi projek-projek yang mengutamakan eksport. Kerajaan juga sedang melaksanakan langkah-langkah yang diperakukan oleh Rancangan Induk Perindustrian 1986-1995. Dengan pelaksanaan program-program seperti di atas adalah menjadi harapan Kerajaan untuk mengatasi dan mengurangkan masalah pengangguran.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa langkah pertama yang disebutkan untuk mengatasi masalah pengangguran, ialah pembinaan 80,000 rumah kos rendah setiap tahun bagi tiga tahun ini adalah satu kegagalan yang besar, kerana sekarang tahun 1986 akan hampir tamat, tetapi saya tidak percaya lebih daripada 10% atau 20% target itu ada dicapai.

Adakah Yang Berhormat Menteri sedar sebagai contohnya bahawa di Pulau Pinang satu unit pun belum dibina. Bagaimanakah masalah pengangguran boleh diatasi—dengan cagak-cagak sahaja?

Yang kedua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa satu langkah yang efektif, yang berkesan, yang boleh mengatasi pengangguran ialah tindakan yang tegas oleh pihak Kerajaan untuk memberhentikan kemasukan pendatang-pendatang haram daripada Indonesia dan Filipina

dan menghalaukan semua pendaatang-pendatang haram yang dianggarkan lebih kurang satu juta orang? Kenapa Kerajaan tidak ada kemahuan politik (political will) untuk menghalaukan semua pendaatang haram?

Dato' Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, rancangan Kerajaan bukan berhenti di tahap cakap-cakap sahaja, tetapi sebarang rancangan hendaklah dirancang mengikut keadaan berkenaan.

Berkenaan dengan rancangan pembinaan rumah sebanyak 80,000 unit tiap-tiap tahun, iaitu daripada tahun 1986 hingga 1988, akan dilaksanakan oleh Kementerian Perumahan dan tidak dilaksanakan oleh Kementerian Buruh. Walau bagaimanapun Kementerian Buruh akan menyelaraskan aspek berkenaan dengan pekerjaan.

Berkenaan dengan pendaatang haram itu, tugas untuk menghantar mereka balik bukan dikendalikan oleh Kementerian Buruh.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebutkan beberapa langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi pengangguran. Salah satunya ialah langkah jangka panjang di mana Kerajaan cuba mendapatkan seberapa ramai pelabur-pelabur daripada luar negeri untuk membina kilang-kilang di negara kita ini. Tetapi apakah langkah Kerajaan untuk membantu kilang-kilang yang ada di dalam negara kita ini yang terpaksa ditutup oleh kerana masalah ekonomi dunia yang kita hadapi hari ini dan menyebabkan pengangguran bertambah sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri, daripada lebih kurang 200,000 pada tahun 1985 bertambah kepada 400,000 pada tahun 1986. Terima kasih.

Dato' Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dihadapi oleh pekilang ataupun pengusaha adalah berlainan ataupun bermacam-macam kerana menghadapi kemelesetan ekonomi. Tetapi Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan beban dari segi kos ataupun masalah yang dihadapi. Langkah-langkah yang telah pun diambil oleh pihak yang berkenaan ataupun pihak yang berkuasa adalah seperti menurunkan kadar bayaran elektrik dan memberi insentif-insentif yang berkenaan, tetapi Kerajaan tidak sanggup menyelamatkan kilang-kilang ataupun sesuatu perusahaan yang berkenaan, yang agak di luar kesanggupan Kerajaan dari segi tanggungan masalah kewangan.

KEAHLIAN MALAYSIA DI DALAM KOMANWEL

3. Drs Suleiman bin Mohamed minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah Malaysia akan mengkaji semula keahlian negara ini di dalam Komanwel, memandangkan Komanwel yang ada hari ini tidak dapat bertindak secara positif ke atas sesuatu perkara itu seperti soal penindasan rejim Afrika Selatan ke atas kaum kulit hitam.

Menteri Luar Negeri (Dato' Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, soal mengkaji semua penglibatan dan keahlian kita di dalam mana-mana pertubuhan antarabangsa adalah satu usaha yang secara berterusan dilakukan oleh Kerajaan supaya dapat ditentukan keberkesanan pertubuhan berkenaan dalam menghadapi cabaran politik dan ekonomi dan menemui objektif-objektif yang telah dipersetujui oleh ahli-ahlinya.

Kita sedar bahawa ada kalanya sesebuah pertubuhan itu tidak dapat memenuhi kehendak semua ahli dalam menghadapi satu-satu isu semasa seperti kegagalan pertubuhan

komanwel dalam tindakan bersama mengenai dasar Apartheid Afrika Selatan. Tetapi soal penarikan diri dari menjadi ahli mana-mana pertubuhan akan hanya dipertimbangkan tatkala ia tidak lagi memberi faedah dan manfaat kepada negara kita. Dengan itu kajian mendalam perlu dibuat sebelum kita membuat sesuatu keputusan muktamad. Dalam konteks inilah maka Kerajaan telah bersetuju supaya Kementerian Luar Negeri dengan kerjasama ISIS (Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa) Malaysia membuat kajian yang mendalam berhubung dengan pertubuhan Komanwel dan penyertaan Malaysia di dalamnya. Suka saya menyatakan bahawa kita tidak wajar berkeadaan terburu-buru dalam tindakan untuk keluar dari sesuatu pertubuhan tanpa mengadakan sebelumnya suatu kajian yang mendalam.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan sedar sifat ataupun kedegilan Perdana Menteri England yang menyebabkan beberapa kegagalan dalam usaha-usaha untuk mendapatkan keputusan dalam masalah Apartheid di Afrika Selatan dan adakah Malaysia mengadakan ataupun melobi negara-negara Komanwel sepertimana yang dilakukan oleh pertubuhan kita di Bangsa-bangsa Bersatu sebelum sesuatu usul yang akan negara kita bawa dibahaskan sebelum menemui kegagalan.

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, negara kita memang sedar bahawa Perdana Menteri Great Britain telah enggan untuk mengadakan satu pendirian yang tegas berhubung dengan dasar menentang Apartheid Afrika Selatan. Tetapi harus diketahui oleh umum juga bahawa dengan keengganan pemimpin itu sendiri tidak bermakna bahawa Britain itu sendiri seratus peratus berkeadaan seperti yang digambarkan oleh Perdana Menteri.

Yang kedua, lebih kurang ahli-ahli yang menyokong supaya menentang dasar Apartheid di dalam Komanwel sendiri adalah melebihi dari 75%. Berkenaan dengan usaha-usaha yang telah dijalankan oleh negara kita ianya amatlah genap bukan sahaja di peringkat-peringkat mesyuarat dan konfransi antarabangsa malah di semua peluang yang ada pada kita sama ada di Bangsa-bangsa Bersatu, di pertubuhan negara-negara berkecuali di dalam pertemuan-pertemuan dua hala (bilateral) dan juga dalam pertemuan-pertemuan peringkat pegawai sekalipun kita telah menekankan agar penentangan terhadap dasar Apartheid hendaklah total dan menyeluruh. Saya suka menganggapkan urusan kita dalam bidang ini sudah pun berjaya.

Tuan Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, apakah manfaatnya Malaysia di dalam Komanwel dari segi politik dan ekonomi dan bagaimana perhubungan negara-negara Komanwel dengan Malaysia kita.

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, kita telah berada di dalam Komanwel semenjak merdeka. Oleh itu, di samping sejarah perjuangan negara ini di samping penglibatan kita di dalam urusan perdagangan dan ekonomi antarabangsa menerusi keanggotaan Komanwel kita juga telah beroleh berbagai-bagai peluang penyelidikan, latihan serta peluang-peluang yang berkaitan dengan sosio-ekonomi. Senarainya terlalu panjang bagi kita untuk menyatakan satu persatu, tetapi bolehlah apabila selesai kajian ini kita laksanakan dapat Ahli Yang Berhormat dan rakyat Malaysia melihat bagaimana prestasi yang telah dicapai dan dinikmati selama ini.

Walau bagaimanapun, hubungan Malaysia dengan anggota-anggota Komanwel yang lain amat ikrab dan sangat berkesan sekali terutama di

dalam blok Afrika, di Caribbean dan juga di Tenggara Asia sendiri ianya telah membuktikan setiakawan dan juga kesepakatan yang sukar ditolak banding.

PELAN INDUK PER-INDUSTRIAN

4. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) rancangan-rancangan perindustrian baru yang dibentang berpandu kepada Pelan Induk Industri;
- (b) kemajuan yang dicapai dalam usaha Kerajaan untuk menuju ke arah pertumbuhan industri pengeksporan dan penggantian import seperti yang disyorkan dalam Pelan ini; dan
- (c) apakah rancangan-rancangan yang tersedia ada dilaksanakan bagi pengembangan industri-industri kecil dan haram.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, Pelan Induk Perindustrian telah mencadangkan supaya penekanan diberikan kepada industri-industri yang berasaskan eksport dan juga industri-industri yang berasaskan barang-barang mentah tempatan. Sebanyak 12 sektor telah dikenalpasti untuk dimajukan di bawah Pelan Induk Perindustrian. Tujuh daripada sektor ini adalah yang berasaskan sumber asli tempatan (resource based industry) dan 5 lagi yang bukan berasaskan sumber asli tempatan. Di antara 7 sektor yang berasaskan sumber tempatan itu termasuklah industri-industri yang berasaskan getah, kelapa sawit, timah, kayu-kayan, kimia dan petrol-kimia, non-ferrous metal products dan non-metallic mineral products.

Kerajaan akan menitikberatkan industri-industri di atas oleh kerana potensi eksport dan juga penggunaan yang lebih terhadap bahan tempatan. Industri-industri di atas juga membuka potensi untuk meninggikan nilai tambahan (value added) terhadap bahan-bahan tempatan.

Di antara industri-industri yang bukan berasaskan sumber tempatan, tekanan akan diberi terhadap industri-industri electronic dan electrical, jentera pengangkutan, industri kejuruteraan, industri iron & steel dan juga industri tekstil. Industri-industri ini akan dapat membesarkan lagi keupayaan dan asas untuk perkembangan perindustrian selanjutnya.

Banyak kemajuan telah dicapai di dalam sektor perindustrian dan dengan perlaksanaan Pelan Induk Perindustrian ini, banyak lagi rancangan-rancangan akan dibuat untuk mempercepatkan kemajuan sektor perindustrian. Sektor perindustrian kini menyumbangkan hampir 20% kepada keluaran negara kasar (GDP). Eksport barang-barang perkilangan juga telah meningkat dan pada masa sekarang merupakan 23% daripada jumlah eksport negara. Jumlah pekerja-pekerja di sektor perkilangan juga telah meningkat kepada 12% daripada jumlah semua pekerja. Malaysia sekarang adalah pengeksporn terbesar keluaran "semi-conductors", penghawa dingin, sarung tangan getah, catheters dan beberapa barangan yang lain. Hampir semua barangan yang diperlukan hari-hari adalah dibuat oleh kilang-kilang tempatan. Ini telah membantu negara di dalam mengurangkan import dan seterusnya membaiki imbalan pembayaran asing negara. Kerajaan juga telah menyediakan satu sistem galakan cukai yang baru yang akan menitikberatkan kepada industri-industri eksport dan juga yang berasaskan bahan-bahan tempatan.

Kerajaan juga baru-baru ini telah melonggarkan syarat kemasukan pelaburan asing untuk menggalakkan lebih banyak pelaburan asing ke sektor ini. Dengan langkah-langkah ini adalah diharap kadar pertumbuhan sektor ini akan bertambah pesat lagi dan Malaysia akan menjadi sebuah negara perindustrian menjelang akhir tempoh Pelan Induk Perindustrian ini pada tahun 1995.

(c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang tidak membenarkan industri-industri wujud secara haram di negara ini, malahan Kerajaan akan mengambil langkah-langkah tertentu untuk menyekatnya dari berkembang melalui penempatan semula mereka yang terlibat di kawasan-kawasan yang dihaskan untuk perindustrian. Bagi industri-industri kecil yang digalakkan, Kerajaan telah mengadakan beberapa rancangan untuk menggalak perkembangan. Di antara rancangan-rancangan yang telah tersedia ada untuk tujuan ini ialah bantuan kewangan, kemudahan infrastruktur, kemudahan latihan dan khidmat nasihat dari segi teknikal dan teknologi serta pengurusan dan juga kemudahan pemasaran. Di antara rancangan-rancangan tersebut yang bersifat pengembangan ialah rancangan-rancangan latihan pengurusan dan juga khidmat nasihat dari segi teknikal dan teknologi.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Boleh tanya yang payah-payah sedikit (Ketawa).

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya merujuk kepada (a) dan (c). Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia Menteri di atas penerangan dan penekanan pihak Kementerian.

Walaupun begitu saya ingin bertanya bahawa Pelan Induk Perindustrian menekankan juga tentang soal teknologi, pembangunan tenaga manusia dan juga penyelidikan dan pembangunan. Jadi soalan saya ialah apakah rancangan Kementerian, apakah usaha yang telah dijalankan untuk menterjemahkan mana yang baik dalam pelan tersebut daripada rancangan kepada satu kenyataan?

Mengenai (c), saya ingin tanya apa yang telah dimaklumkan kepada negara ialah soal industri kecil telah dipindahkan kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Saya ingin tahu sejauh manakah rancangan-rancangan yang telah disebutkan itu dapat diperkuatkan dari segi daya, apabila dipindahkan kepada Kementerian tersebut dibandingkan dengan cadangan wujudnya satu Commission khusus untuk industri kecil?

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:
Tuan Yang di-Pertua, selepas Kerajaan menerima Pelan Induk Perindustrian yang telah digubal oleh pihak pakar-pakar yang dilantik khas oleh Kerajaan, Kerajaan telah melantik dua buah Jawatankuasa. Satu Jawatankuasa adalah dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bertujuan untuk menyediakan segala perkara berkaitan dengan galakan-galakan dan juga infrastruktur untuk membolehkan Kerajaan melaksanakan cadangan-cadangan sebagaimana yang terdapat di dalam Pelan Induk Perindustrian ini.

Satu Jawatankuasa lagi di tempatkan di Unit Perancang Ekonomi Negara dan Jawatankuasa ini bukannya sahaja akan mengenal pasti kawasan-kawasan yang perlu ditampu untuk melaksanakan cadangan-cadangan di bawah Pelan Induk Perindustrian ini, tetapi juga akan menitikberatkan

tentang soal pembangunan tenaga manusia serta dengan latihan dan yang ada kaitan dengan pemindahan teknologi dan sebagainya.

Semuanya ini sedang dikaji oleh kedua-dua Jawatankuasa ini. Suka saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa salah satu daripada cadangan yang dikemukakan oleh Pelan Induk Perindustrian ini telah pun dikemukakan kepada Dewan ini yang merupakan rangkaian galakan insentif yang sudah pun diluluskan oleh Dewan ini tempoh hari dan sekarang ini segala galakan-galakan ini sudah pun diperkenalkan kepada dunia dan sudah pun mendapat tarikan ramai pelabur-pelabur yang ingin datang ke Malaysia ini. Berkait dengan soalan yang kedua, sudah terlupe pula.

Tuan Yang di-Pertua: Pertukaran industri kecil.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Ya, soalan yang kedua apabila subjek mengenai perusahaan kecil dipindahkan kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar tidak bererti Kementerian itu tidak bertindak lebih berkesan lagi daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, bahkan saya rasa lebih kemas lagi subjek itu dikelolakan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang menumpukan khas ke atas pembangunan dan pengwujudan industri-industri kecil terutama sekali di kawasan luar bandar.

Saya rasa semua ini dengan pindaan daripada agensi-agensi Kerajaan yang lain akan dapat membangunkan bukan sahaja industri kecil tetapi juga industri-industri yang besar di seluruh negara.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Mulia dengan pelaburan

sama ada daripada orang asing atau orang tempatan menurun pada tahun ini kerana faktor-faktor yang tertentu bagaimana pelan itu dapat dilaksanakan memandangkan ada setengah-setengah cadangan itu baik?

Yang keduanya dengan itu para pelabur yang bermesyuarat di Kuala Lumpur akhir-akhir ini daripada Amerika Syarikat berapa peratus dapat melabur di sini ataupun adakah tindakan susulan untuk mereka mendapat melabur di sini?

Yang ketiganya mengenai tabung atau wang daripada Bank Dunia untuk industri kecil, apakah terjadi dengan tabung ini sekarang?

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, walaupun menurun sedikit jumlah pelaburan ke dalam negara kita ini tidak bererti kita akan menyerah diri dan akan berpeluk tubuh. Kita akan berusaha terutama sekali dengan mandat baru yang besar yang diberi oleh rakyat. Kita sedar bahawa kita menghadapi kesulitan dalam ekonomi kita tetapi kita mempunyai azam dan kita akan bekerja bersungguh-sungguh untuk membangun ekonomi negara kita walaupun apa kata orang.

Berkait dengan masalah yang kedua Seminar yang dianjurkan baru-baru ini baru sahaja selesai, tidak dapatlah hendak saya menyatakan di sini berapakah daripada projek-projek yang dikemukakan oleh mereka yang menyertai Seminar itu akan dilaksanakan dalam dua, tiga bulan yang akan datang ini. Saya percaya bahawa mereka sudah pun mengadakan rundingan dengan rakan-rakan setempat untuk mendirikan projek-projek yang telah pun dicadangkan oleh mereka. Saya percaya MIDA dan lain-lain agensi Kerajaan akan membuat susulan termasuk juga mereka yang terlibat

supaya dapat menghasilkan apa juga kata sepakat yang telah pun tercapai baru-baru ini.

Yang ketiganya mengenai pinjaman disalurkan menerusi MIDF dan Bank Pembangunan Malaysia yang berjumlah \$234.4 juta terbahagi kepada \$210 juta bagi komponen pinjaman kepada usahawan-usahawan dan \$24.4 juta bagi bantuan teknikal untuk industri-industri kecil. Ianya memang mendapat sambutan yang baik. Setakat ini sejumlah \$26.3 juta telah pun diluluskan untuk 287 industri-industri kecil dalam negara.

KAMPUNG BARU—RANCANGAN PEMBANGUNAN

5. Tuan Hu Sepang minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menggariskan rancangan induk bagi pembangunan semula kampung-kampung baru kerana sejak penubuhannya 35 tahun dahulu, penduduk-penduduk kampung-kampung baru telah meningkat 3 kali ganda dan penghuni-penghuni menghadapi kekurangan tanah serta kemudahan-kemudahan infrastruktur yang asas.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Ng Cheng Kuai): Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kelima, Kerajaan telah pun menggariskan dua matlamat utama dalam pembangunan kampung-kampung baru. Pertamanya menjadikan kampung baru sebagai kawasan penempatan manusia yang lebih sempurna melalui penyediaan kemudahan-kemudahan infrastruktur dan sosio-ekonomi yang diperlukan dan yang kedua memajukan kampung-kampung baru yang berpotensi dan sesuai sebagai pusat pertumbuhan ekonomi dan bandar baru berlandaskan kepada aktiviti-aktiviti ekonomi yang moden dan industri-industri ringan. Sesuai dengan kedua

matlamat ini Kerajaan telah pun menjalankan satu kajian awalan ke atas semua kampung-kampung baru.

Dalam kajian ini kampung-kampung baru telah pun diklasifikasikan mengikut jenis kampung baru dan juga kategori kampung baru. Di bawah jenis kampung baru, kampung-kampung baru telah pun dibahagikan kepada kampung baru yang bercorak bandar, separa bandar dan luar bandar. Kampung baru juga dibezakan mengikut tahap pembangunan iaitu yang baik, sederhana dan kurang memuaskan.

Daripada kajian awalan yang disebutkan di atas, Kementerian saya bercadang untuk membangunkan kampung-kampung baru mengikut tiga strategi jangka panjang iaitu:

- (a) Pembangunan kampung baru sebagai pusat pertumbuhan ekonomi bandar baru.
- (b) Pembangunan kampung baru sebagai pusat kecil bandar, urban sub-service centres, dengan izin.
- (c) Pembangunan sebagai penempatan manusia yang lebih sempurna, proper human settlements, dengan izin.

Walau bagaimanapun strategi-strategi ini masih dalam kajian dan penelitian Kementerian saya.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam menggariskan rancangan induk pembangunan itu bolehkah Yang Berhormat menerangkan tentang kemudahan-kemudahan asas yang ada di kampung-kampung baru dan dibandingkan dengan kemudahan asas yang ada di kampung-kampung tradisional dan juga kampung-kampung di pendalaman serta luar bandar, mana yang lebih baik. Jikalauah kampung tradisional dan

pendalaman itu kurang baik, apakah strategi-strategi yang dinyatakan untuk dilaksanakan di kampung-kampung baru itu juga akan dilaksanakan untuk kampung-kampung tradisional, pendalaman dan juga di luar bandar?

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang di-Pertua, tahap pembangunan di kampung-kampung baru dan kampung-kampung tradisional adalah berbeza dan biasanya berbeza mengikut tempat masing-masing.

Bagi menjawab soalan yang kedua iaitu apakah strategi yang dicadangkan sebagai pelan induk untuk kampung-kampung baru, sama ada ia boleh digunakan untuk kampung tradisional. Sebenarnya seperti Ahli Yang Berhormat itu sedar ada juga satu rancangan kampung hala baru yang telah pun dirancang untuk kampung-kampung tradisional.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar mengetahui bahawa terdapat penduduk yang telah lama tinggal di kampung-kampung baru dan telah diberi Lesen Tumpangan Sementara (TOL) oleh pihak Kerajaan, tetapi mereka telah bertindak pula membahagi-bahagikan tanah yang ada di kawasan mereka dengan mengatakan bahawa lot ini untuk mereka dan lot satu lagi untuk bapa mereka dan satu lot lagi itu hak datuk-nenek mereka, sehingga perbuatan mereka itu menyusahkan pihak Pejabat Tanah untuk mengagihkan tanah itu pula kepada orang lain. Jadi soalnya adakah pihak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar mengetahui hal ini dan kalau mengetahui apakah tindakan yang telah atau akan diambil?

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar akan masalah tanah di kawasan kampung-kampung baru, khususnya mengenai lot-lot kediaman, tetapi sebagaimana yang Ahli Yang Berhormat sedar, masalah tanah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim Ali.

(Soalan No. 6 Y.B. Tuan Haji Ibrahim Ali tidak hadir)

RUMAH KOS RENDAH— KAWALAN HARGA

7. **Dr V. David** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan kadar harga yang telah ditetapkan oleh Kerajaan di atas rumah-rumah kos rendah dan sama ada pekerja-pekerja berpendapatan rendah mampu membeli rumah-rumah itu, dan bilangan bilik sesuatu rumah kos rendah yang sesuai untuk penginapan sebuah keluarga berahli lima atau tujuh.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar harga yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Pusat bagi rumah-rumah kos rendah ialah tidak melebihi \$25,000 seunit.

Bagaimanapun, kadar harga sebenar bagi setiap unit rumah kos rendah adalah dipertanggungjawabkan kepada keputusan Kerajaan-kerajaan Negeri semasa memberi kelulusan mengenai tanah untuk pembangunan perumahan. Umpamanya, negeri Johor telah menetapkan harga rumah kos rendah adalah tidak melebihi \$22,000 seunit.

Dengan berbandukan kepada andaian bahawa sesebuah keluarga akan membelanjakan tidak melebihi $\frac{1}{3}$ daripada pendapatan bulanan mereka untuk membiayai pembayaran balik pinjaman perumahan, maka golongan yang berpendapatan di antara \$460 hingga \$750 sebulan adalah dikira mampu membeli rumah-rumah berkenaan. Kadar bayaran balik untuk selama 25 tahun ialah sebanyak \$155.30 sebulan.

Di bawah program khas perumahan, kadar faedah yang dikenakan oleh bank-bank perdagangan ialah 10% setahun. Dengan ini kadar bayaran balik ialah kira-kira \$229.52 sebulan. Memandangkan kepada pertambahan kadar bayaran balik ini, Kerajaan-kerajaan Negeri telah bersetuju untuk memberi peluang juga kepada mereka yang berpendapatan sehingga \$1,000 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya, sesebuah rumah kos rendah perlu mempunyai sekurang-kurangnya dua bilik tidur dengan keluasan lantai minima di antara 46-56 meter persegi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan ada menyediakan pelan-pelan rumah kos rendah yang mengandungi tiga bilik tidur dengan keluasan lantai antara 60-80 meter persegi. Pelan-pelan ini ada digunakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri tertentu di kawasan-kawasan yang tidak memerlukan kepadatan yang tinggi. Rekabentuk rumah-rumah ini termasuklah yang mempunyai keluasan lantai minima, adalah sesuai untuk menampung keperluan sesebuah keluarga yang mempunyai anggota di antara 4-6 orang.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ada sebahagian

besar penduduk-penduduk daripada kawasan setinggan dengan pendapatan kurang daripada \$300 sebulan dan apakah cadangan oleh Kerajaan untuk menggalakkan kaum ini membeli rumah kos rendah?

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan ada juga mempunyai skim di mana di kawasan bandar Kerajaan akan mendirikan rumah-rumah di mana penghuni-penghuninya boleh menyewa-beli iaitu bagi permulaannya di mana mungkin pendapatannya tidak mencukupi untuk membeli rumah-rumah itu, maka rumah itu disewakan dan sekiranya di dalam tempoh masa 10 tahun mereka itu ingin membeli rumah-rumah itu, maka peluang itu diberi kepada mereka untuk membeli rumah dengan wang yang telah pun dibayar sebagai sewa itu digunakan sebagai deposit kepada rumah yang hendak dibeli itu.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri baru sahaja menyebutkan bahawa untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh mereka yang bergaji rendah iaitu \$300 sebulan untuk mendapatkan rumah di mana dalam kawasan bandar sepertimana yang baru disebutkan tadi diwujudkan sistem sewa-beli. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri itu bagaimana pula keadaan di luar bandar di mana sebahagian besar penduduk ataupun pekerja hanya berpendapatan lebih kurang \$300 sebulan, memandangkan pula kadar bayaran balik selama 25 tahun ialah \$155 sebulan. Jadi ini akan membebaskan mereka yang berpendapatan rendah, terutama di luar bandar.

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, di kawasan luar bandar pula Kerajaan memang ada skim perumahan yang dijalankan oleh

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di mana Kerajaan Negeri pula telah meminjamkan wang itu kepada pembeli-pembeli dengan kadar faedah, rasa saya kurang daripada 10% dan juga Kerajaan Negeri ada membuat apa yang dinamakan, dengan izin, graduated repayment scheme di mana mereka boleh membayar mengikut kadar kemampuan mereka iaitu dihadkan, mungkin \$50, \$60 atau \$90 sebulan mengikut kemampuan mereka itu dan apabila keadaan ekonomi mereka lebih baik, mereka perlu menambah pula bayaran balik itu.

Juga untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di kawasan luar bandar Kerajaan juga ada mengadakan satu skim iaitu skim pinjaman perumahan kos rendah ini yang diperuntukkan bagi mereka yang berpendapatan rendah di mana had maksima pinjamannya ialah sebanyak \$7,500 di mana mereka boleh membuat rumahnya sendiri.

HARGA PETROL— MENGURANGKAN

8. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau akan menimbang untuk mengurangkan harga petrol dan lain-lain bahan petroleum memandangkan harga antarabangsa bahan-bahan tersebut adalah rendah agar membantu memulihkan ekonomi.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukacita saya memaklumkan bahawa harga runcit barang-barang petroleum sentiasa diulangkaji mengikut formula Mekanisma Harga Barang-barang Petroleum. Mengikut formula ini salah satu faktor yang diberi pertimbangan ialah harga minyak mentah dunia. Selaras dengan penurunan harga minyak mentah dunia sejak awal

tahun ini, Kerajaan telah pun beberapa kali menurunkan harga runcit barang-barang petroleum. Tindakan ini dibuat supaya pengurangan harga ini dapat dinikmati oleh pengguna serta untuk membantu memulihkan ekonomi kita.

Tuan P. Patto: Tadi Yang Berhormat ada menyatakan bahawa ulangkaji dibuat dari masa ke semasa. Tidakkah Kerajaan memikirkan bahawa sudah tiba masanya untuk mengulangkaji lagi harga minyak petrol memandangkan bahawa harga pasaran dunia petroleum adalah sangat rendah pada saat ini.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap bulan kita membuat ulangkaji. (*Tepuk*)

JABATAN PENDAFTARAN SARAWAK—PERKHIDMATAN

9. Tuan Andrew Janggi Muyang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang lebih berkesan yang telah, sedang dan akan diambil oleh pihak Jabatan Pendaftaran Negara khususnya di Sarawak dalam usaha mereka untuk memperbaiki dan menyediakan perkhidmatan kepada negeri Sarawak.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Jabatan Pendaftaran Negara di Sarawak telah mengambil beberapa langkah untuk memberi perkhidmatan pendaftaran kepada penduduk-penduduk luar bandar dengan lebih memuaskan. Tindakan-tindakan itu termasuk penempatan kakitangan-kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Sarawak di Pejabat-pejabat Daerah dan di Daerah-daerah kecil. Lawatan-lawatan ke kawasan-kawasan luar bandar untuk memberikan perkhidmatan kepada penduduk-penduduk pendalaman juga telah dianjurkan sepanjang tahun.

Semenjak bulan Mac 1986, Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Sarawak telah pun membuat gerakan pendaftaran di seluruh negeri Sarawak secara besar-besaran. Gerakan ini akan berakhir pada penghujung tahun 1986.

Selain daripada itu, Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Sarawak juga akan melantik beberapa orang lagi Timbalan Pendaftar untuk menambah bilangan pendaftar yang sedia ada bagi pendaftaran kelahiran dan kematian. Mereka ini adalah terdiri daripada Jururawat-jururawat, Ketua-ketua Masyarakat, Guru-guru, Bidan-bidan dan lain-lain lagi. Tindakan ini diambil untuk memudahkan penduduk di kawasan luar bandar mendaftarkan setiap kelahiran atau kematian yang berlaku.

Bagi menjayakan segala usaha-usaha ini maka perlulah seluruh rakyat negeri Sarawak, terutamanya mereka yang tinggal di kawasan-kawasan pendalaman memberi kerjasama yang sepenuhnya kepada Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Sarawak.

Tuan Mutang Tagal: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri mengenai dengan masalah yang dihadapi oleh segolongan rakyat di Sarawak iaitu mereka yang telah dilahirkan di Negara Brunei Darussalam sebelum adanya General Hospital di Miri, di Limbang dan di Lawas, terutama di Bahagian Keempat dan Bahagian Kelima. Mereka ini terpaksa dihantar ke Brunei bagi ibu untuk melahirkan anak-anak mereka oleh kerana tidak ada facility di Bahagian tersebut. Jadi walaupun bapa dan emak mereka adalah berwarganegara Malaysia, tetapi oleh kerana mereka terpaksa dilahirkan di Brunei, ini telah pun menyebabkan banyak masalah mengenai dengan kewarganegaraan. Saya ingin bertanya sama ada Kerajaan bercadang supaya membuat, dengan izin, across-the-board

peruntukan, blanket provision supaya mereka yang dilahirkan di Brunei sebelum adanya rumah sakit di Bahagian Keempat dan Kelima diberi kewarganegaraan tanpa mengira application on merit.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat untuk memberi secara menyeluruh adalah tidak bijak. Bagaimanapun, perkara ini akan dikaji mengikut tiap-tiap individu kerana jikalau sekiranya pihak ibu bapa, ketua masyarakat ataupun ketua kampung dapat mengesahkan dengan secara sumpah tidak adalah wujud masalah dari segi pendaftaran ini, tetapi untuk memberi, dengan izin, blanket approval itu adalah satu perkara yang menyulitkan. Bagaimanapun, satu kajian akan dijalankan atas perkara ini.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Adakah Kementerian berkenaan sedar bahawa proses pendaftaran Kad Pengenalan adalah memakan masa begitu panjang sekali sampai penduduk-penduduk luar bandar menunggu bertahun-tahun baru dapat Kad Pengenalan mereka. Saya ingin meminta penjelasan apakah sebab-sebabnya. Terima kasih.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya pun hairan juga mengapakah ini berlaku kerana mengikut statistik di Sarawak pada tahun 1984

Tuan Yang di-Pertua: Di Sarawak! Ya.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Di Sarawak. Kerana ini Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi soalnya ialah berkenaan di Sarawak.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Berkenaan Sarawak. Sabah saya tidak boleh jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia tidak tanya berkenaan dengan Sabah, dia tanya Sarawak.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Di Sarawak. Saya lihat mengikut statistik di Sarawak Kad Pengenalan bagi umur 12 tahun, permohonan yang diterima oleh Pejabat Pendaftaran ialah 37,404. Permohonan yang selesai 40,396. Jadi, bagaimana yang dikatakan tidak siap sampai bertahun-tahun walhal sampai berlebih daripada apa yang telah diutarakan.

Tuan Yang di-Pertua: Lebih daripada yang diminta.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Lebih daripada yang diminta. (*Ketawa*). Jadi pada tahun 1985 permohonan yang diterima iaitu 32,866, permohonan yang dapat diselesaikan ialah 32,216 dan tahun 1986 hingga Ogos, 1986 yang memohon untuk Kad Pengenalan ialah 23,772 yang telah selesai 19,826. Jadi kalau kita lihat daripada statistik ini tidak timbul masalah lewat dan sebagainya.

SYARIKAT ROTHMANS (MALAYSIA) BERHAD— STRUKTUR EKUITI

10. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan mengapa Skim Susunan Semula Saham Syarikat Rothmans Malaysia Berhad pada bulan Mei 1986 diberi izin. Walaupun kepunyaan saham Bumiputera ditingkatkan daripada 4% kepada 30% tetapi kepunyaan orang tempatan yang bukan Bumiputera dikurangkan daripada 19.7% kepada 8.6%; tertinggal kepunyaan lain orang dari Singapura dan Hong Kong menjadi 11.4% daripada 26.3% dan kepunyaan ibu syarikat asing Rothmans International Limited tidak berubah daripada 50% skim kini yang diberi izin tidak mematuhi objektif dan

peraturan Dasar Ekonomi Baru yang menyatakan kepunyaan saham syarikat pasti meningkat pembahagian 30:40:30 peratus untuk Bumiputera; bukan Bumiputera; Orang Asing.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, penyusunan semula struktur ekuiti Syarikat Rothmans (Malaysia) Berhad diluluskan oleh Kerajaan baru-baru ini oleh kerana cadangan syarikat itu dikira menepati kehendak dasar penyusunan semula ekuiti syarikat di bawah Dasar Ekonomi Baru.

MUZIK SEBAGAI MATA- PELAJARAN DI SEKOLAH

11. Tuan Zubir bin Embong minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah "rational" di sebalik menjadikan muzik sebagai salah satu matapelajaran di dalam sistem pembelajaran di negara kita dan sejauh mana ianya boleh membina "mental" dan keperibadian murid-murid.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, Program Pendidikan Muzik yang disediakan sebenarnya berteraskan nyanyian yang bertujuan untuk mengukuhkan kemahiran membaca, menulis dan mengira. Ia juga dapat mewujudkan satu suasana pembelajaran yang lebih mengembirakan. Pelajaran muzik yang diperkenalkan secara formal dan sistematik ini dapat juga mencungkil dan mengasah bakat, memperluaskan daya kreativiti dan memupuk kesihatan mental serta memperkembangkan emosi bagi melahirkan individu yang seimbang dan menyeluruh.

Di samping itu, pelajaran muzik juga dapat menyerapkan unsur-unsur kewarganegaraan, menanamkan semangat cintakan tanahair, kasih sayang dan nilai-nilai moral melalui lagu-lagu patriotik.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau isi kandungan matapelajaran muzik di sekolah-sekolah negara kita adalah sebegitu baik, seperti yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, kenapa murid-murid dalam sekolah-sekolah menengah Form IV, Form V, semua pun suka "heavy metal music" sehingga pihak Kerajaan terpaksa untuk mengharamkan muzik ini dimainkan secara awam sahaja.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang kita perbahaskan di sini ialah muzik-muzik yang kita rancang kerana apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu saya fikir adalah muzik yang berasaskan kehendak pelajar-pelajar itu sendiri yang mungkin di luar daripada kawalan pihak guru-guru di sekolah itu. Namun demikian, kita berusaha untuk mempertingkatkan penyelidikan atas aktiviti-aktiviti pelajar-pelajar yang berbuat demikian supaya jangan menggunakan "heavy metal music" yang dikatakan itu.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar ada segolongan guru yang terdiri daripada Parti Pembangkang menentang matapelajaran muzik dikatakan haram mengikut konsep Islam, dan kalau sedar, apakah langkah-langkah yang telah diambil?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita hanya dengar berita angin sahaja, memang ada, tetapi laporan formal ataupun rasmi mengenai perkara itu belum kami terima setakat ini. Insya Allah, kita akan ekori apa yang mungkin berlaku.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa hendak kata tidak, ya! (*Ketawa*).

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Menteri Pelajaran setuju jika dikatakan muzik itu satu usaha Kerajaan dalam menerapkan nilai-nilai Islam dan ia juga satu matapelajaran dalam proses Kerajaan membentuk pelajar-pelajar ke arah akhlak yang mulia dan bermoral? Kalau tidak, apa perlu dikekalkan?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, bertanyakan "opinion" mengikut Peraturan Mesyuarat, saya fikir bukanlah perkara yang digalakkan kerana

Tuan Yang di-Pertua: Bukan digalakkan, tidak dibenar!

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tidak dibenar. Namun demikian, terpulang kepada Tuan Yang di-Pertua sama ada saya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tidak dibenarkan (*Ketawa*).

SASTERA NEGARA BAGI PENULISAN CHINA/TAMIL

12. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan cadangan supaya penulisan China dan Tamil dimasukkan ke dalam Sastera Negara. Kenapakah Penulisan China dan India masih tidak dapat diterima sebagai sebahagian dari kesusasteraan negara.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, masyarakat Malaysia adalah bebas mengadakan kegiatan budaya masing-masing, termasuk kegiatan penulisan. Apa yang harus dibezakan dalam hal ini ialah di antara

kesusasteraan kebangsaan dengan kesusasteraan atau penulisan warisan kaum. Kesusasteraan yang ditulis dalam satu bahasa yang dipakai di Malaysia adalah kesusasteraan Malaysia apabila latarbelakang kehidupan dan permasalahannya adalah mengenai rakyat dan bumi Malaysia.

Definisi yang dipakai sekarang adalah jelas bahawa kesusasteraan kebangsaan adalah kesusasteraan yang bertulis dalam Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa rasmi negara dan bahasa yang dikanunkan di dalam Perlembagaan. Dalam perkembangan sekarang adalah didapati bahawa penglibatan penulis-penulis Cina dan Tamil dalam aliran kesusasteraan kebangsaan amat menggalakkan, bahkan mereka pernah memenangi sayembara-sayembara pelbagai peringkat yang dianjurkan oleh badan-badan penulis tanahair, seperti Gabungan Penulis-penulis Nasional (GAPENA), Persatuan Penulis Nasional (PENA) dan seumpamanya.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu sama ada sastera atau penulisan seseorang yang menggunakan Bahasa Malaysia, walaupun orang yang menggunakan Bahasa Malaysia itu bukanlah warganegara Malaysia, penulisan itu dianggap dan diterima sebagai kesusasteraan kebangsaan?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kesusasteraan kebangsaan adalah kesusasteraan apabila bahasa yang digunakan itu ialah Bahasa Malaysia dan apa yang ditulis itu adalah mengenai kehidupan masyarakat di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 6 dan 13 hingga 16 adalah diberi di bawah ini).

USAHAWAN BUMIPUTERA— TINDAKAN MAHKAMAH

6. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa bank-bank dan institusi kewangan terus mengambil tindakan mahkamah ke atas usahawan-usahawan Bumiputera walaupun ada nasihat-nasihat yang dibuat sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan lain-lain pemimpin-pemimpin Kerajaan melalui berbagai ucapan supaya bank-bank dan institusi-institusi kewangan bersikap bertolak ansur dalam keadaan ekonomi meleset sekarang dan memberi ruang yang cukup untuk peminjam-peminjam memulihkan perniagaan masing-masing. Sehubungan dengan ini apakah cadangan Kerajaan bagi memastikan langkah-langkah yang benar-benar positif bagi menyelamatkan usahawan-usahawan Bumiputera, terutama tindakan daripada bank-bank dan institusi kewangan milik Kerajaan yang ditubuhkan untuk membantu kaum Bumiputera dalam bidang perniagaan dan perusahaan sepertimana dalam gagasan Dasar Ekonomi Baru.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Kerajaan memang sedar bahawa di dalam keadaan pertumbuhan ekonomi yang perlahan, ramai pengusaha-pengusaha Bumiputera, barangkali termasuk Ahli-ahli Dewan ini, mengalami kesulitan kerana tindakan institusi kewangan mendesak para peminjam untuk membayar balik pinjaman mereka. Perkara ini telah pun dibangkitkan dengan institusi-institusi kewangan. Dalam keadaan ekonomi sekarang, syarikat-syarikat yang terjejas oleh kemelesetan perlu

diselamatkan kerana kita telah mengambil masa yang lama untuk mewujudkan usahawan. Institusi-institusi kewangan ini telah diarahkan supaya memberi perhatian dan layanan yang lebih bersimpati kepada pelanggan-pelanggan mereka yang menghadapi masalah disebabkan oleh kemelesetan ekonomi pada masa ini. Institusi-institusi kewangan ini juga telah dinasihatkan supaya mengubahsuaikan, setakat mana yang boleh, masa dan tempoh pembayaran pinjaman pelanggan-pelanggan yang terlibat. Walau bagaimanapun, pihak bank akan menganalisa setiap kes demi kes sebelum membuat keputusan sama ada untuk mengubahsuaikan masa dan tempoh pembayaran pinjaman itu atau tidak.

PINJAMAN TEMPATAN/ LUAR NEGERI

13. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (i) jumlah pinjaman-pinjaman tempatan dan luar negeri yang belum dijelaskan setakat 30-9-86 dan bilakah pinjaman-pinjaman tersebut matang untuk dibayar dan nyatakan jumlah pembayaran balik modal dan faedah untuk tahun 1986 hingga 1990 serta setakat manakah kesusutan nilai matawang kita menjejaskan program pembayaran balik hutang-hutang negara;
- (ii) jumlah pinjaman-pinjaman yang diberi oleh bank-bank perdagangan, institusi-institusi kewangan kepada berbagai kategori perniagaan setakat 30-9-1986 dan berapa ramai daripadanya menghadapi kesulitan sekarang jumlah daripadanya yang menjadi hutang lapuk dan peratusnya

berbanding dengan nisbah likuiditi dan sama ada mana-mana bank perdagangan dan institusi kewangan menghadapi kesulitan atau kekurangan wang dan nyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Bank Negara untuk membantu mereka dan nyatakan sama ada Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri menjadi si peminjam secara langsung atau tidak langsung serta sama ada berlaku apa-apa pecanggaan kepentingan atau penyalahgunaan kuasa dan pinjaman-pinjaman tersebut.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik:

- (i) Jumlah pinjaman tempatan dan luar negeri Kerajaan Persekutuan sehingga 30-6-1986 ialah \$67,950 juta. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, pinjaman yang diperolehi oleh Kerajaan terutamanya pinjaman untuk projek dari institusi kewangan antarabangsa seperti Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia adalah pinjaman jangka panjang iaitu lebih kurang 15 tahun.

Memandangkan bahawa pinjaman telah dilakukan dari sejak mulanya negara melaksanakan rancangan pembangunan, bilangan pinjaman yang telah diambil adalah banyak dan setiap pinjaman mempunyai tarikh kematangannya tersendiri. Oleh itu tidaklah mungkin dinyatakan satu persatu bila pinjaman-pinjaman tersebut matang.

Bayaran balik modal dan faedah bagi pinjaman Kerajaan Persekutuan sama ada dari punca dalam dan luar negeri

untuk tempoh 1986-1990 adalah dianggarkan seperti berikut:

Tahun	Bayaran Balik Modal (\$ Juta)	Bayaran Balik Faedah (\$ Juta)	Jumlah (\$ Juta)
1986	2,079	5,185	7,264
1987	2,021	5,193	7,214
1988	3,027	5,161	8,188
1989	2,753	5,083	7,836
1990	2,573	4,857	7,430

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, jumlah bayaran balik pinjaman ini adalah bergantung kepada kadar pertukaran matawang negara kita. Memanglah tidak dapat dinafikan bahawa kenaikan nilai matawang asing berbanding dengan nilai ringgit telah meningkat dan menambahkan beban hutang negara. Setakat ini perubahan tukaran asing tidak menjejaskan program pembayaran balik hutang negara. Kerajaan akan senantiasa mengawasi keseluruhan hutang negara supaya keupayaan kita membayar balik tidak terjejas dengan turun naik pertukaran asing.

- (ii) Jumlah pinjaman yang diberi oleh bank-bank perdagangan pada 31hb Julai 1986 adalah sebanyak \$51,543.7 juta. Daripada jumlah pinjaman ini, 35.5 peratus diberi kepada kumpulan pembinaan dan hartanah, termasuk pembangunan hartabenda dan perumahan bagi individu, 18.5 peratus bagi membiayai perniagaan borong dan runcit termasuk restoran-restoran dan hotel-hotel dan 17.2 peratus bagi membiayai aktiviti perusahaan. Perangkaan bagi bulan September 1986 masih belum didapati lagi.

Oleh kerana Bank Negara masih lagi dalam proses meluluskan akaun-akaun bank bagi tahun 1985, jumlah pinjaman yang tidak dibayar atau "non-performing loans" dalam tahun 1985 bagi kesemua bank-bank masih belum diperolehi lagi.

Mengenai kedudukan kewangan bank-bank, Bank Negara akan terus mengawasi dengan teliti kedudukan mereka dari masa ke semasa untuk menentukan supaya mereka sentiasa berada dalam keadaan teguh dan kukuh.

Bank Negara Malaysia telah memperkenalkan beberapa langkah untuk memperkukuhkan institusi bank dan meningkatkan keyakinan orang ramai. Langkah-langkah ini termasuklah melaksanakan garis panduan yang berkuatkuasa pada 1hb Januari 1986, ke atas penggantungan faedah ke atas pinjaman di mana bayaran baliknya dihentikan, dan satu siri pindaan kepada perundangan bank, yang berkuatkuasa pada 10hb Januari 1986. Pindaan perundangan ini termasuklah peruntukan untuk mengagihkan ekuiti pemilikan institusi kewangan, penganan hukuman kepada kakitangan bank yang menyalahgunakan kuasa berian pinjaman mereka, dan memberi kuasa yang cukup kepada Bank Negara Malaysia untuk memberi pinjaman bersandarkan saham dan untuk membeli ekuiti dalam institusi kewangan yang menghadapi kesusahan. Garis panduan dasar lain yang diperkenalkan termasuklah syarat-syarat bagi penyertaan bank dalam mengkorporatiskan industri broker saham, untuk

memperkuhkan asas modal dan professionalisme industri tersebut, dan penubuhan Tabung Wang Latihan Kakitangan untuk industri bank bagi membiayai latihan professional yang luas supaya dapat mengurangkan "pemancingan" kakitangan antara institusi kewangan. Berhubung dengan soalan Ahli Yang Berhormat, sama ada Menteri, Timbalan Menteri menjadi peminjam secara langsung atau tidak langsung, perlu dimaklumkan oleh kerana peruntukan kerahsiaan bank, maklumat atas pinjaman individu tidak dapat diberikan.

RUMAH KOS RENDAH— PROGRAM KHAS

14. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kerajaan boleh menunjuk kepada Dewan ini pelan-pelan untuk 80,000 buah rumah kos rendah sebagaimana yang telah diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri sebelum pilihanraya umum baru-baru ini dan nyatakan berapa buah rumah kos rendah akan dibina di setiap negeri dan bilakah pengumuman itu beserta dengan janji-janji yang dibuat sebelum pilihanraya semasa beliau membuat lawatan ke seluruh negeri, akan ditunaikan dan mengesahkan bilakah pajakan selama 60 tahun dikuatkuasakan untuk menggantikan pajakan selama 30 tahun yang telah diberi kepada pemajak-pemajak; jika tidak, beri sebab-sebabnya.

Puan Napsiah binti Omar: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya ada menyediakan 6 jenis rekabentuk rumah bagi program khas perumahan. 6 jenis rekabentuk tersebut ialah jenis pilihan satu, "stratum Process", Walk-up Town House, Konsep Kondominium, teres

satu tingkat dan teres dua tingkat. Pada amnya kesemua jenis rekabentuk ini menggunakan komponen bangunan seperti pintu dan tingkap yang sama dari segi jenis dan saiznya. Walau bagaimanapun, ingin saya menegaskan bahawa masih ada rekabentuk-rekabentuk lama digunakan.

Bilangan rumah yang dirancangkan untuk dibina di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah yang melibatkan pembinaan 80,000 unit rumah kos rendah setahun bagi tempoh 3 tahun mulai 1986 hingga 1988 oleh setiap negeri adalah seperti berikut:

Jumlah Unit Rumah Kos Rendah Yang Akan Dibina

<i>Negeri</i>	<i>1986</i>	<i>1987</i>	<i>1988</i>	<i>Jumlah 1986-1988</i>
Johor	7,531	19,547	8,843	35,921
Kedah	9,640	3,955	420	14,015
Kelantan	3,019	1,415	1,070	5,504
Melaka	3,836	2,753	—	6,589
Negeri Sembilan	5,682	6,260	801	12,743
Pahang	3,756	4,770	7,313	15,839
Perak	4,792	9,142	—	13,934
Pulau Pinang	7,200	5,200	—	12,400
Sabah	2,290	2,840	—	5,130
Sarawak	110	—	—	110
Terengganu	1,180	1,116	1,268	3,564
Wilayah Persekutuan	13,165	1,200	—	14,365
Perlis	1,251	—	—	1,251
JUMLAH	86,621	58,398	19,715	164,734

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pemberian perlanjutan tempoh pajakan sesuatu tanah perkara ini bukanlah di bawah bidang kuasa Kementerian saya.

PELAWAT INDIA—KEBENARAN

15. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

(a) adakah tindakan yang telah diambil oleh Menteri selepas pengumuman dalam surat-surat khabar kita berkaitan dengan seorang pelawat keturunan India yang tidak dapat duduk di

Hotel Airtel di Airport Antarabangsa Subang pada 5hb September 1986 oleh kerana Pegawai Imigeresen di Airport tersebut tidak membenarkan beliau keluar daripada Airport tersebut; dan

- (b) adakah Menteri Dalam Negeri menyedari kehilangan sebahagian pendapatan untuk hotel-hotel dan peniaga-peniaga pelancong kita kerana Pegawai-pegawai Imigeresen kita sangat keras dalam tanggungjawab mereka dengan tidak ada sikap tolak ansur sedikit pun terhadap pelancong-pelancong daripada luar negeri khususnya daripada India.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tindakan yang diambil oleh Pegawai-pegawai Imigeresen di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang terhadap seorang pelawat India pada 5hb September 1986 telah disiasat. Adalah tidak benar bahawa pelawat tersebut telah dikurung di bilik tahanan Jabatan Imigeresen Malaysia, Lapangan Terbang Antarabangsa, Kuala Lumpur, Subang, sepertimana yang dilaporkan oleh beberapa akhbar tempatan. Sebenarnya ia telah dibenarkan tinggal di Airtel apabila Ketua Pejabat, Jabatan Imigeresen Malaysia, Subang diberitahu masalah ini. Pelawat tersebut menginap di Airtel, Subang dari jam 9.00 pagi 4hb September 1986 sehingga 1.00 pagi 5hb September 1986. Jabatan Imigeresen Malaysia memang sedar bahawa negara ini menggalakkan pelancongan dan pelawat-pelawat asing yang "genuine" dan yang bertujuan untuk melancong ke negara ini sentiasa dialu-alukan. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna bahawa peraturan-peraturan dan undang-undang diketepikan semata-mata untuk menarik pelancong ke negara ini.

Dalam pada itu, saya telah pun menegaskan kepada Jabatan Imigeresen Malaysia bahawa dalam menjalankan tugas untuk menguatkuasakan undang-undang mereka hendaklah bersikap bertolak ansur.

DASAR KERAJAAN MENGENAI BURUH

16. Dr V. David minta Menteri Buruh menyatakan apakah dasar Kerajaan di atas perkara-perkara mengenai buruh, dan jika ada, bolehkah beliau menyatakan maklumat-maklumat mengenainya dengan lebih mendalam lagi.

Dato' Lee Kim Sai: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukalah saya memberitahu bahawa kita memang lama mempunyai dasar-dasar atas perkara-perkara perburuhan. Dasar-dasar tersebut adalah jelas termaktub di dalam undang-undang dan amalan-amalan buruh yang meliputi berbagai-bagai perkara. Di antara ciri-ciri utama dasar-dasar tersebut adalah seperti berikut:

1. Kebebasan berkesatuan dan hak perundingan bersama.
2. Timbangtara wajib untuk menyelesaikan pertikaian perusahaan.
3. Penggajian untuk semua warganegara yang ingin bekerja.
4. Syarat-syarat mengenai Penggajian Kanak-kanak dan orang muda.
5. Perhubungan pengurusan pekerja.
6. Pengenepian Kerja.
7. Gaji dan Produktiviti.
8. Kemudahan-kemudahan Asas untuk Pekerja.
9. Keselamatan dan Kesihatan Kerja.

10. Keselamatan Sosial.
11. Kajian atas Undang-undang dan Amalan Buruh dari semasa ke semasa.

Sebagai menyahut seruan pihak Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Kerajaan sedang mempertimbangkan penggubalan satu Dasar Buruh Negara yang menyeluruh dengan menyatukan segala dasar dan amalan mengenai perburuhan yang sedia ada serta mengambil kira ciri-ciri baru mengenai perburuhan yang sedang ditimbulkan oleh berbagai-bagai pihak.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1986)

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN
USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 1) 1986

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1986) dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$742,096,740 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun Kewangan 1986, untuk menampung sejumlah \$742,096,740 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan

Tambahan Pertama 1986 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 30 Tahun 1986 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesembilan dan kesepuluh penyata tersebut". (15hb Oktober, 1986).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita ada hanya satu hari untuk membahaskan di atas dasar berkenaan dengan Rang Undang-undang Perbekalan (Tambahan) dan Anggaran Pembangunan Tambahan. Jadi, dengan demikian saya mintalah Ahli-ahli Yang Berhormat supaya menjimatkan masa dan haraplah bercakap di atas perkara-perkara yang di hadapan kita, iaitu bersangkutan-paut dengan Kertas Perintah 30 dan juga Rang Undang-undang di bawah Kertas Perintah 17/86. Sila Yang Berhormat dari Kepong.

3.37 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya akan memendekkan ucapan saya.

Terdapat satu peruntukan kepada Majlis Amanah Rakyat, iaitu termasuk \$28.7 juta untuk membolehkan membayar balik hutangnya dengan Kerajaan Persekutuan berikutan dengan keputusan supaya MARA menyerahkan saham-sahamnya dalam Syarikat Jengka Sendirian Berhad kepada Kerajaan Negeri Pahang yang telah pun mengambilalih syarikat tersebut dan juga \$12.2 juta adalah diperuntukkan pinjaman kepada MARA sebagai ekuitinya dalam syarikat itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan pinjaman itu tidak akan berlakunya penyelewengan dan penyalahgunaan wang tersebut kerana inilah satu bidang di mana kita terpaksa mengadakan satu

pertanggungjawapan awam (accountability) yang cukup ketat supaya tidak berlakunya segala skandal yang dinampakkan baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi mengenai \$1.5 juta telah diperuntukkan kepada Jabatan Penerbangan Awam untuk membiayai pembinaan landasan terbang dan kemudahan jeti di Taman Negara sebagai kemudahan pelancongan. Memang kita memerlukan banyak lagi kemudahan-kemudahan pelancongan supaya galakan pelancongan itu dapat dijayakan, akan tetapi saya tidak nampak bagaimana pihak Kerajaan dapat menggalakkan pelancongan jikalau galakan ini tidak sampai, misalnya, di Singapura baru-baru ini ada konvensyen untuk ASTA (American Society of Travellers' Agents) di mana ada 4,000 orang yang berkumpul daripada Amerika Syarikat. Memandangkan sebahagian besar para pelancong di dunia terdiri daripada rakyat Amerika Syarikat, saya pun tak tahu sama ada Kerajaan mengambil berat mengenai agen-agen ini kerana saya tidak dapat tahu galakan daripada Kerajaan untuk mengambil agen-agen ini daripada Singapura. Cuma saya tahu mungkin ada 400 agen sahaja daripada 4,000 orang yang masuk ke Malaysia melalui syarikat-syarikat swasta bukan galakan daripada Kerajaan. Apa gunanya membuatkan banyak kemudahan jikalau tidak menggalakkan agen-agen yang penting untuk pelancongan di dunia. Itulah satu kesalahan yang tidak patut berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara lagi \$12.5 juta di bawah sektor Pembangunan Masyarakat dan Kampung untuk membiayai projek-projek kecil termasuk \$5.5 juta bagi Kemajuan Kampung-kampung Baru dan \$8 juta lagi di bawah subsektor pasar-pasar untuk membiayai program

peniaga-peniaga kecil. Jadi, masalah yang saya nampak daripada memorandum yang dikemukakan dan daripada penyata-penyata yang ada, terdapat kekeliruan sedikit kerana \$5.5 juta daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan \$7 juta daripada Jabatan Perdana Menteri dan ada juga \$8 juta daripada Jabatan Perdana Menteri. Jadi, jumlahnya \$20.5 juta. Itulah satu kekeliruan yang menunjukkan keberkesanan accountability Kerajaan itu tidak begitu ketara dan wujudnya kelemahan-kelemahan yang tertentu dan saya berharap kelemahan-kelemahan ini dapat diperbaiki.

Akhirnya saya berharap Kerajaan akan kurangkan segala hutang negara termasuk untuk gas Sabah kerana debt servicing meningkat kepada \$195 juta untuk gas Sabah sahaja. Ini menunjukkan satu angka yang besar yang kian meningkat dari setahun ke setahun dan tidak patutlah kita meningkatkan hutang negara lagi dan ada pula kita hendak memberhentikan semua projek mewah, projek yang memakan masa yang terlalu panjang kerana return tidak dapat diadakan dengan jangka masa yang pendek. Memandangkan keadaan kemelesetan ekonomi ini, saya berharaplah cadangan-cadangan saya dapat diambil kira oleh pihak Kerajaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bukit Gantang.

3.43 ptg.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan (Bukit Gantang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan (Tambahan) 1986 dengan mengambil kira beberapa aspek dalam Rang Undang-undang ini yang telah pun menarik perhatian saya.

Yang pertamanya berkenaan dengan Kertas Perintah 29/1986, Maksud B.7, berkenaan dengan perbelanjaan bekalan Jabatan Perdana Menteri sebanyak lebih kurang \$222.500 juta bagi berbagai-bagai projek kecil, prasarana, keagamaan, kemudahan-kemudahan awam, kemudahan-kemudahan sosial dan sebagainya di bandar serta di luar bandar.

Pihak saya mengalu-alukan dan mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang telah bersungguh-sungguh berusaha untuk mempertingkatkan lagi masalah-masalah projek-projek kecil, prasarana, kemudahan-kemudahan awam dan sosial di dalam dan di luar bandar yang mana ini jelas mencerminkan tentang polisi ataupun dasar Kerajaan yang begitu adil dan sama rata dan tidak seperti ditohmah-tohmahkan, dianggap-anggapkan oleh wakil-wakil Pembangkang yang mana pihak Kerajaan hanya memimpin, mengambil kira, mengambil tahu tentang keadaan penduduk sebanyak 55% sahaja. Oleh kerana jelas dari peruntukan-peruntukan ini kampung-kampung, kemudahan-kemudahan asas di luar serta di dalam bandar diambil kira juga, tak mengira kaum, tak mengira tempat.

Begitu juga dengan peruntukan-peruntukan yang telah pun dibekalkan bagi kepentingan agama juga didapati bahawasanya bukan sahaja masjid-masjid, surau-surau sahaja yang diberikan peruntukan, malah kuil-kuil, tokong-tokong, temples dan sebagainya telah pun juga diberikan peruntukan tertentu bagi memperseimbangkan peruntukan yang sama adil itu kepada rakyat pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, didapati juga perbelanjaan prasarana untuk luar bandar hampir-hampir jumlahnya meningkat kepada \$100 juta yang

mana walaupun jumlah yang banyak telah pun diperuntukkan pada asalnya, jumlah yang ditambah ini tentunya akan dapat mempertingkatkan pembangunan kemudahan-kemudahan asas kepada mereka yang amat memerlukan kemudahan-kemudahan yang terpenting ini dan ini juga termasuk kampung-kampung dalam bandar dan kampung-kampung baru.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah pun diberitahu bahawasanya peruntukan-peruntukan yang sejumlah \$222,000,000 itu dalam pengagihannya ke negeri-negeri telah pun menunjukkan bahawasanya sejumlah yang terbesar telah diperuntukkan kepada negeri-negeri yang kurang maju seperti negeri-negeri Kelantan, Kedah dan sebagainya.

Dan yang amat menarik perhatian saya ialah sejumlah tak kurang daripada \$52.6 juta telah pun diperuntukkan kepada negeri Sabah yang mana suatu keadaan yang benar-benar pada hemat saya baik, lebih-lebih lagi Sabah telah pun baru sahaja menganggotai Kerajaan Barisan Nasional dan tentunya pihak Kerajaan Barisan Nasional mengambil kira tentang pentingnya Kerajaan Negeri Sabah bersama-sama dengan Kerajaan Barisan Nasional untuk memperkukuhkan lagi Kerajaan yang sama-sama dianggotai oleh parti-parti komponen dalam Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, ini juga jelas menunjukkan sikap, dasar dan polisi Kerajaan Barisan Nasional yang sentiasa sahaja mengambil kira tentang kepentingan umum dan tentang keadilan dan kesaksamaan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang ingin saya sentuh dalam saya membahaskan Rang Undang-undang ini ialah berkenaan suatu peruntukan sebanyak \$34 juta yang telah pun diperuntukkan kepada

PERNAS bagi membenarkan Kerajaan membeli dan mengubahsuaikan suatu kapal feri yang dipanggil Feri Malaysia ataupun Feri Muhibbah Malaysia. Ini suatu projek ataupun suatu program yang baru yang telah pun dilaksanakan oleh pihak Kerajaan dan tentunya dalam mana-mana projek baru mendapat berbagai-bagai pendapat yang berlainan terutamanya pendapat-pendapat yang negatif dilemparkan oleh wakil-wakil daripada parti Pembangkang. Tetapi kita mesti sanggup berpandangan jauh dan lebih liberal, dengan izin, sekiranya kita ingin menukar, membawa negara kita ini untuk meningkat ke tahap-tahap yang lebih baik dari masa ke semasa.

Kita sedar dan kita tahu bahawasanya suatu perbelanjaan yang besar perlu dibuat untuk kita mewujudkan suatu pembaharuan daripada segi projek Feri Malaysia ini dan tentunya untuk mewujudkan sesuatu yang baru itu memerlukan perbelanjaan yang agak banyak juga. Dan walaupun pada dasarnya kita menyokong perbelanjaan yang telah pun diputuskan oleh pihak Kerajaan bagi membeli dan mengubahsuaikan suatu feri untuk tujuan mengadakan suatu Feri Muhibbah Malaysia, tetapi kita ingin mengingatkan pihak Kerajaan agar berhati-hati sebelum meluluskan mana-mana peruntukan dalam keadaan ekonomi yang kurang senang dan kurang tetap pada ketika ini. Dan kita tahu walaupun kapal Feri ini bukanlah merupakan kapal Feri baru tetapi kapal Feri yang telah pun digunakan dan pihak wakil Pembangkang dari Bandar Kuching telah mengatakan Feri ini mungkin sudah berumur 20 tahun ataupun lebih dan mungkin karam ataupun sebagainya, tetapi pihak saya telah pun mendapat tahu bahawasanya Feri yang sedemikian tidaklah begitu lama seperti yang ditohmahkan oleh wakil Pembangkang. Ianya sekadar berumur hanya 6-7 tahun sahaja dan biasanya

kapal-kapal layar, kapal-kapal feri seperti ini tidak seperti kereta motor ataupun motosikal seperti contohnya yang mempunyai "life-span", dengan izin, pendek tetapi kapal-kapal seperti ini mempunyai "life-span" yang panjang dan umur 6-7 tahun itu dianggapkan satu umur yang agak muda lagi dan boleh digunakan dan boleh diharapkan untuk menunaikan tugas dan tanggungjawab bagi mengusahakan Feri Malaysia yang boleh mempereratkan silaturrahim di antara negeri-negeri di Semenanjung dan di Malaysia Timur bagi kita memperkuatkan, mempererat lagi integrasi nasional. Ini juga satu sikap yang baik dengan adanya kita membeli satu kapal feri yang sudah lama, oleh kerana kalau kita membeli sebuah kapal yang baru tentunya jumlah harga yang perlu dikeluarkan tentunya akan bertambah ganda lagi dan ini tentunya juga akan pula membebankan lagi keadaan ekonomi dan tabung negara.

Tuan P. Patto (Ipoh): Saya ingin mendapat tahu sama ada Ahli Yang Berhormat itu mempunyai sebarang faedah kewangan dalam soal Feri ini, sebab Yang Berhormat itu lebih mengetahui secara dalam dan juga Yang Berhormat menggunakan perkataan "pihak saya". Itu yang saya hendak mendapat tahu, di bawah Peraturan Mesyuarat 35 (6), Tuan Yang di-Pertua.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, pihak saya tidak ada satu sen kepentingan langsung dalam Syarikat Feri Malaysia ini. Bila saya sebut "pihak saya" bermakna pandangan saya dan research saya, dengan izin, yang saya buat untuk menjawab tuduhan-tuduhan yang telah pun dilemparkan oleh wakil-wakil Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, pihak wakil dari Bandar Kuching juga menyatakan tujuan Feri Malaysia ini tidak akan

dapat mempereratkan lagi integrasi nasional di antara Malaysia Barat dengan Malaysia Timur, tetapi wakil yang sedemikian telah menyimpang jauh daripada maksud dan tujuan kita menubuhkan, menganjurkan, mengadakan Feri Malaysia ini. Tentunya dengan adanya Feri Malaysia ini, yang boleh mendekatkan Malaysia Barat melalui Kuantan dengan jeti-jeti di Kota Kinabalu dan Kuching, tentu sekali akan dapat membawa kedua-dua pihak daripada Malaysia Barat dan Malaysia Timur ini saling mengunjungi di antara satu sama lain.

Selain daripada itu tentu sekali akan dapat mempereratkan tali perhubungan dan memperkukuhkan lagi integrasi nasional bagi matlamat dan polisi kebangsaan kita. Tidak benar sekali apa yang telah pun ditohmahkan oleh wakil dari Kuching semalam semasa membahaskan Rang Undang-undang ini yang menyatakan Feri Malaysia tidak akan dapat mempereratkan integrasi nasional dalam projek Feri Malaysia ini.

Saya sedar bahawasanya buat permulaan ini tentunya dari segi marketing, dari segi popularity, dengan izin, tidaklah begitu ketara oleh kerana baru hanya empat kali

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bangun atas apa?

Tuan Sim Kwang Yang: Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Minta penjelasan, Yang Berhormat hendak beri?

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, adakah masa yang diberikan kepada saya cukup?

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tentunya buat permulaan terdapat banyak masalah daripada segi untuk mempopularkan dan juga untuk kita hendak marketkan Feri Malaysia ini. Sepatutnya sebagai Wakil Rakyat yang bertanggungjawab, wakil DAP patut juga menjadi ejen marketing kepada Feri Malaysia dengan menggalakkan lebih ramai lagi orang-orang yang beliau kenal daripada negeri beliau dan rakan-rakan lain dari DAP daripada negeri Sabah dan Sarawak untuk sama-sama menggunakan Feri Malaysia ini. Kalaulah Wakil Rakyat dari Bandar Kuching itu benar-benar bertanggungjawab sebagai Wakil Rakyat yang sebenarnya

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Tuan Hu Sepang: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap Yang Berhormat dari Bandar Kuching. Yang Berhormat dari Sepang

Tuan Hu Sepang: Dari Rasah, bukan Sepang. "Sepang" itu nama saya (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bangun atas apa?

Tuan Hu Sepang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, minta penjelasan. Hendak benarkan atau tidak?

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Kalau masa cukup, saya benarkan. Kalau tidak ada masa, saya tidak benarkan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa saya boleh benarkan, jika hendak beri.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Sila.

Tuan Hu Sepang: Tadi Ahli Yang Berhormat itu mencadangkan Ahli-ahli Parlimen dari DAP patut jadi ejen untuk Feri Malaysia. Jadi bolehkah beliau memberitahu Dewan ini berapa komisyen dia hendak beri? (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah jawab itu. (*Ketawa*)

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bandar Kuching bangun atas apa?

Tuan Sim Kwang Yang: Minta jalan, setengah jam. Terima kasih. Mungkin ada amalan parti lain untuk mencampurkan perniagaan dengan politik. Ini bukan style DAP untuk mahu memasuki apa-apa bidang perniagaan. Itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak maksudkan untuk memasuki bidang perniagaan tetapi membantu usaha Kerajaan untuk mempereratkan lagi integrasi nasional. Ini tujuan kita dan ini tanggungjawab kita bersama dalam Dewan ini untuk integrasi nasional.

Tuan Yang di-Pertua, seperti saya kata tadi tentang pada permulaan ini tentunya didapati sedikit masalah daripada segi popularity bagi rakyat negara kita ini untuk menggunakan Feri Malaysia, tetapi saya percaya dan saya yakin dari semasa ke semasa dengan berbagai-bagai lagi strategi marketing, dengan izin, yang dibuat oleh Syarikat tersebut dengan dibantu oleh Kerajaan dan oleh semua Wakil Rakyat dalam Dewan ini, saya percaya lambat-laun Syarikat ini dan Feri ini akan mendapat kejayaan dan membuah hajat Kerajaan untuk mempertingkatkan integrasi nasional.

Tuan Yang di-Pertua, wakil yang sama juga telah pun mengatakan beliau kurang senang dengan jadual waktu masa Feri ini datang dan bertolak yang tidak tepat konon katanya, dan beliau berkata bahawasanya Feri ini telah pun bertolak lebih awal, dengan izin, brought forward. Saya fikir ini satu perkara yang baik dan telah pun menunjukkan satu kecekapan oleh pengurusan Feri Malaysia malah sepatutnya kita memberi kepujian kepada pengurusan Feri Malaysia yang begitu termampu, bukan melewatkan jadual bertolak tetapi pula untuk mengawalkan lagi jadual bertolak dan saya sesungguhnya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak pengurusan Feri Malaysia yang begitu baik pengurusannya dan boleh mempercepatkan masa Feri itu bertolak.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Feri yang sama juga, kita juga boleh ambil kira tentang kepentingan-kepentingan yang lain juga selain daripada kita menarik pelancong-pelancong daripada dalam dan luar negeri untuk menggunakan Feri Malaysia ini. Pada masa-masa dan ketika yang tertentu, Feri yang sama juga boleh digunakan untuk membawa, contohnya, tentera-tentera kita dan sebagainya yang mana ini tentunya akan lagi memudahkan kita bagi merancang dan merencanakan berbagai-bagai strategi bagi kepentingan kita bersama. Selain daripada kapal terbang, Feri Malaysia boleh digunakan juga demi untuk kepentingan keselamatan negara kita dan kita harap pihak Pembangkang jangan lupa tentang kepentingan ini juga yang mana perlu diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga yang ingin saya bangkitkan dalam Rang Undang-undang ini ialah berkenaan dengan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan

(Tambahan) dalam Kertas Perintah 30, Maksud P.19 berkenaan dengan sektor a:apun Kementerian Pertanian. Mengikut Maksud ini dan Kertas Perintah ini, perbelanjaan secara langsung yang diperuntukkan bagi Kementerian Pertanian dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil.1) langsung tiada, kosong. Hanya terdapat tambahan sebanyak \$176,000 sahaja diperuntukkan kepada Kementerian Pertanian bagi lain-lain projek sebagai pinjaman sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, pihak saya merasa sedih sedikit daripada segi peruntukan yang tiada langsung dengan secara langsung untuk Kementerian Pertanian yang diperuntukkan dalam Rang Undang-undang ini dan hanya sejumlah begitu kecil sekali yang diberi sebagai pinjaman kepada Kementerian. Kita semua telah akur dan ketahui bahawasanya bidang pertanian merupakan bidang yang paling terpenting kepada negara kita, baik daripada segi ekonominya, mahupun dari segi kita untuk mempertingkatkan taraf hidup dan taraf kemiskinan di kawasan luar bandar. Sepatutnya sejumlah yang saksama juga diperuntukkan kepada Kementerian Pertanian secara langsung untuk digunakan bagi memperhebatkan lagi hasrat Kerajaan dan hasrat kita semua untuk mencapai Dasar Ekonomi Baru, bagi memerangi kemiskinan dan juga mengubahsuaikan masyarakat.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, juga mengikut sektor pun setelah diperlihatkan dalam Kertas-kertas yang telah diedarkan pada kita melalui Kertas Perintah 31, Tahun 1986 dalam perpecahan mengikut sektor-sektor walaupun kita bersyukur dan mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang telah memperuntukkan

sebanyak 96% lebih peruntukan daripada sejumlah \$742 juta kepada bidang ekonomi dan tentunya memerlukan banyak peruntukan dan pembelaan di akhir-akhir ini, tetapi di bidang pertanian juga jadi satu masalah yang menyedihkan saya sendiri yang mana hanya \$4.6 juta sahaja yang diuntukkan bagi bidang pertanian. Ikut peratusannya hanya sebanyak 0.6% sahaja yang diuntukkan pada bidang pertanian dalam sektor ekonomi. Dan ini juga menyedihkan oleh kerana seperti saya kata tadi tentang keutamaan kita bagi sektor bidang ekonomi ini yang memerlukan banyak lagi peruntukan, banyak lagi pembelaan bagi menghapuskan segala masalah yang sedia ada. Kita semua tahu di kawasan-kawasan luar bandar yang mana kekuatan kewujudan Kerajaan kita sendiri pun tergantung kepada kepercayaan dan sokongan daripada mereka yang duduk di kawasan-kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja pendapat saya dalam membahaskan Rang Undang-undang ini dan saya menyokong supaya Rang Undang-undang ini diterima.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Arau.

4.05 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong Rang Undang-undang Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1986 yang telah dikeluarkan di bawah Kertas Perintah 30. Yang pertamanya, saya ingin bercakap di bawah Maksud P.7 Jabatan Perdana Menteri di bawah Butiran-butiran 4, 6, 7 dan 17 di mana sejumlah \$54 juta lebih telah pun dibelanjakan. Yang pertamanya ialah berhubung dengan Butiran 4 iaitu

sebanyak \$7 juta telah pun dibelanjakan berhubung dengan projek-projek kecil.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa projek-projek kecil ini dilaksanakan di kawasan-kawasan di luar bandar. Di antara perkara-perkara penting yang diberi perhatian di bawah projek-projek kecil ini ialah seperti pembinaan infrastruktur, jalan-jalan dan juga jabatan-jabatan dan sebagainya. Kita dapati walaupun projek-projek ini dilaksanakan pada tiap-tiap tahun tetapi tidak ada peruntukan khusus dari segi penyelenggaraan. Sebagaimana projek-projek besar ataupun jalanraya-jalanraya yang bertaraf D, kita dapati dia mempunyai penyelenggaraan yang diberi peruntukan pada tiap-tiap tahun. Sementara projek-projek kecil ini pembaikannya didasarkan kepada permohonan-permohonan *ad hoc* dengan izin, yang dibuat dari semasa ke semasa. Kalau sekiranya perkara ini berterusan, maka saya rasa dari segi penyelarasan, kita banyak menghadapi masalah, oleh kerana permohonan *ad hoc* ini sentiasa datang dari semasa ke semasa. Dan kita tahu bahawa penduduk luar bandar adalah merupakan penduduk yang terbanyak dibandingkan dengan penduduk-penduduk di bandar, maka keutamaan harus dibuat peruntukan khusus dari segi penyelenggaraan. Dan ini harus dilihat, terutamanya Unit Penyelarasan dan Perlaksanaan Jabatan Perdana Menteri melihat supaya ianya dapat disatukan dengan peruntukan yang dijalankan bagi tiap-tiap negeri. Dengan itu, kita dapat menyelesaikan masalah penyelenggaraan bagi projek jalan dan sebagainya.

Bagi setengah-setengah negeri pula kita lihat ianya diperuntukkan berdasarkan kepada jumlah penduduk. Saya rasa peruntukan ini patut didasarkan kepada negeri-negeri maju

dan tidak maju. Contohnya, seperti negeri-negeri di Utara seperti Perlis, Kedah dan juga negeri-negeri Pantai Timur seperti Kelantan, Terengganu, juga Sabah dan Sarawak patut diberi keutamaan kerana negeri-negeri yang lain di samping peruntukan negerinya yang telah pun banyak diperuntukkan untuk projek kecil maka mereka juga dapat peruntukan-peruntukan lain tambahan seperti peruntukan-peruntukan untuk membina projek di dalam kawasan bandar. Dengan itu pihak Jabatan Perdana Menteri harus melihat bahawa penyelenggaraan khusus perlu dibuat yang boleh disalurkan melalui Pejabat Kemajuan Negeri dan juga Pejabat Daerah supaya pentadbiran kampung tidak lagi menghadapi masalah mengenai perkara ini.

Kita lihat bahawa dengan tidak mengadakan penyelenggaraan khusus, kita telah meletakkan projek-projek kecil ini dilaksana dan dirancangan oleh JKKK ataupun Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung dan JKKK ini kalau kita bebaskan dengan kerja-kerja untuk memikirkan projek-projek kecil dan juga perkara-perkara yang mereka tidak patut tumpukan sangat maka kita akan lihat bahawa JKKK ini kadang-kadang fungsinya itu lebih daripada Jabatan Kerajaan. Saya bagi contoh terdapat lima Jabatan Kerajaan seperti LPP (Lembaga Pertubuhan Peladang), Pejabat Daerah sendiri, FAMA, MADA dan lain lagi, mereka ini memikirkan kepada badan penyelarasan yang sama iaitu JKKK ini di peringkat kampung.

Jadi tiap-tiap kali Jabatan ini masuk, mereka akan merencana ataupun mencadangkan program-program daripada Jabatan masing-masing. Demikian juga Pejabat Daerah, ia ada pula rancangan-rancangan sendiri yang diselaraskan termasuk projek-projek kecil seperti Rancangan Buku Hijau dan

sebagainya. Jabatan Pertanian juga demikian rupa. Jadi tiap-tiap kali Jabatan ini masuk, JKK yang sama akan bermesyuarat dan kalau sekiranya 10 Jabatan masuk, 10 kali mereka mengadakan mesyuarat dan diadakan oleh orang-orang yang sama, pada hal Jabatan yang masuk itu pergi menjalankan perancangan mereka, mereka keluar makna kata mereka sudah habis tugas mereka, tetapi JKK akan meneruskan. Kadang-kadang terdapat JKK terpaksa bermesyuarat sebanyak 30 kali dalam masa sebulan, bermakna tiap-tiap hari mereka mengadakan mesyuarat. Oleh sebab itu kita lihat kepimpinan JKK, Pengerusi-pengerusi JKK sendiri kadang-kadang keadaan hidupnya agak susah jika dibanding dengan penduduk-penduduk kampung yang lain, oleh kerana mereka terpaksa mengadakan banyak mesyuarat dan sebagainya. Jadi kalau sekiranya kita ada penyelenggaraan yang khusus di Pejabat Daerah, maka Pejabat Daerah boleh melihat dari masa ke semasa untuk memastikan projek-projek kecil dan lain-lain lagi diselenggarakan pada tiap-tiap tahun dan tidak lagi memerlukan permohonan-permohonan *ad hoc* yang dibuat dari masa ke semasa.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah berhubung dengan Butiran 6. Oleh kerana telah banyak Wakil yang bercakap, jadi saya menyokong Ahli Yang Berhormat dari Bukit Gantang, yang mengatakan bahawa kita tidak sepatutnya memberi teguran yang seolah-olah semua yang kita buat ini tidak mendatangkan faedah. Sesuatu harus dibuat kalau kita lihat bahawa program tersebut menghadapi masalah, sebab bukan semua program ataupun projek yang dilaksanakan dapat berjaya. Kadang-kadang ianya mengambil masa untuk berjaya seperti projek Proton Saga, demikian juga Feri Malaysia. Kalau kita tidak buat sekarang ini bila lagi dan saya setuju dengan Ahli Yang Berhormat dari

Bukit Gantang tadi supaya kita berbuat sesuatu untuk menolong Kerajaan.

Ucapan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching, saya rasa cukup menarik, beliau banyak memberi pandangan yang membina kalau dibandingkan dengan Ahli-ahli Yang Berhormat daripada DAP yang lain. Jadi saya rasa dia boleh berbuat sesuatu untuk menolong Kerajaan supaya Feri ini berjaya dan kami daripada Barisan Nasional akan memberi sokongan kalau sekiranya cadangan itu baik. Inilah satu cara untuk kita mendekatkan hubungan di antara kawan-kawan kita di Sabah, Sarawak dan juga di Semenanjung.

Sebagaimana kita sedia maklum bahawa benda yang baru ini kadang-kadang orang takut untuk mencuba, tetapi bila orang sudah cuba kadang-kadang kita anggap itu lebih menarik daripada perkara yang lama atau yang tidak ada. Jadi dengan itu saya ingat sesuatu harus dibuat supaya kita bekerjasama dan bukan menegur mengatakan bahawa Feri ini dalam dua tahun lagi akan rosak dan sebagainya, ataupun projek ini akan mencapai kegagalan. Kita harus mencuba, dan kalau kita tidak cuba, saya rasa sampai bila pun kita tidak dapat mencapai pembangunan.

Berhubung dengan Butiran 7—Pusat Penyelidikan Agama yang telah diperuntukkan lebih daripada \$5 juta. Saya menyokong ini, tetapi saya ingin menyentuh tentang kedudukan agama ini terutamanya di Jabatan Perdana Menteri. Saya rasa sampailah masanya Jabatan Perdana Menteri melihat terutamanya dari segi agama Islam supaya penyelarasan di antara negeri-negeri ini dapat dibuat, sebab kita ada 13 negeri sahaja. Walaupun agama ini adalah di bawah bidang kuasa pihak negeri-negeri, saya rasa pihak Jabatan Perdana Menteri boleh berbuat

sesuatu supaya terdapat penyelarasan, agar semua pihak di bawah agama Islam itu mematuhi sesuatu peraturan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri; kalau tidak, perbezaan ini kadangkalanya boleh menyekat hubungan silaturrahim di antara kita sesama Islam.

Saya ingin memberi satu contoh. Sebagai rakyat negeri Perlis, kita mempunyai sedikit perbezaan kalau dibandingkan dengan mazhab di negeri-negeri yang lain, tetapi kita akan mematuhi kalau sekiranya sesuatu dibuat oleh Jabatan Perdana Menteri untuk diselaraskan. Saya tidak mahu bercakap panjang atas perkara ini oleh kerana agama adalah di bawah bidang kuasa negeri, tetapi saya rasa Jabatan Perdana Menteri perlu berbuat sesuatu, lebih-lebih lagi Pusat Penyelidikan Agama ini perlu lihat bahawa sepatutnya perkara ini diselaraskan. Kalau sekiranya kita lihat apa yang dijalankan di Perlis itu bagus, kita jadikan ianya sebagai apa yang kita pegang untuk seluruh Malaysia.

Mengenai Butiran 17—Peniaga-peniaga kecil yang telah diperuntukkan sebanyak \$8 juta. Saya ingin menyentuh tentang peruntukan ini. Pada masa yang lepas di peringkat awal kita dapati peruntukan peniaga-peniaga kecil ini dikhaskan untuk membina gerai-gerai ataupun kedai-kedai tambahan yang dibuat kadang-kadang bukan sahaja di atas tanah Kerajaan tetapi ada juga di tapak individu; kemudian ada juga peruntukan tambahan untuk memberi pinjaman motosikal, kereta sorong dan sebagainya. Pada masa sekarang pinjaman ini telah pun dihentikan atas sebab-sebab yang mungkin tidak dapat dielakkan. Kemudian kita lihat bahawa pembinaan gerai-gerai kadang-kadang tidak mencapai matlamatnya. Kalau sekiranya kita naik kereta daripada Kuala Lumpur ke Utara tanah air, kita akan lihat

gerai-gerai di antaranya di sepanjang jalan. Itu saya percaya adalah gerai-gerai yang didirikan di bawah Program Peniaga-peniaga Kecil. Banyak yang berjaya, itu kita tidak dapat nafikan dan banyak yang menghadapi masalah. Di antara sebab utama yang menyebabkan kita menghadapi masalah ialah oleh kerana keluasan gerai-gerai itu adalah tidak bersesuaian dan banyak tumpuan diberikan kepada peniaga-peniaga runcit, makanan dan minuman sahaja.

Saya rasa kita patut memperbanyakkan unsur-unsur yang boleh memberi peluang kepada peniaga-peniaga kecil ini berniaga dengan menambahkan keluasan—jangan kita syaratkan bahawa luas gerai ini haruslah sekian-sekian banyak, tetapi kita tambahkan keluasan. Contohnya ada peniaga-peniaga kecil yang ingin masuk ke alam bengkel. Kita beri gerai yang lebih besar sedikit ataupun kita cantumkan gerai-gerai kecil tadi, sama ada kita beri atau tidak beri, akhirnya mereka akan buat juga. Kalau sekiranya gerai-gerai itu tidak digunakan, dan sebagai contoh, kalau sekiranya kita pergi ke negeri Perak, sebelum sampai Ipoh, kita lihat gerai-gerai itu kosong, tetapi sekarang ini saya lihat ini telah pun digunakan untuk tujuan bengkel. Lebih baiklah kita merancang daripada awal lagi sebelum kita biar ianya digunakan mungkin secara haram oleh pihak-pihak tertentu.

Saya cadangkan, sekiranya pinjaman untuk membeli motosikal dan kereta sorong dihentikan supaya diperkenalkan pinjaman baru untuk membeli lori kecil atau sebagainya yang berkaitan dengan perkara ini. Saya rasa peniaga-peniaga kecil selagi mereka bernama peniaga kecil, mereka sangat memerlukan pinjaman kerana inilah cara yang boleh mereka membesarkan perniagaan mereka.

Sebab kita tahu walaupun agensi-agensi lain seperti MARA juga mengeluarkan pinjaman dan juga bank-bank tetapi adalah lebih cepat dan tepat kalau sekiranya agensi yang menjalankan program yang berkenaan juga menguruskan soal pinjaman tadi.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang Maksud P.14—Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di bawah Butiran 31 di mana \$5.5 juta telah diperuntukkan kepada Kementerian tersebut. Kita dapati bahawa peruntukan ini dikhususkan untuk kampung-kampung baru di bawah Kementerian yang berkenaan. Saya ingin menyentuh perkara ini oleh kerana tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar masih lagi menyebut perkataan “kampung baru” pada hal banyak pihak telah dimaklumkan bahawa dengan pertukaran Kementerian maka istilah kampung baru sudah ditiadakan, makna kata diletakkan di bawah Kemajuan Perkampungan.

Kita sedia maklum bahawa kampung baru ini telah ditubuhkan sejak 35 tahun dahulu, sejak sebelum merdeka lagi. Ianya pada peringkat awal telah ditubuhkan sebanyak 500 buah kampung di mana kita dapati tujuan utama ialah untuk mengelakkan orang-orang yang bersimpati dengan komunis diletakkan di satu tempat yang berdekatan dengan bandar di mana kawasan perkampungan ini telah dipagar kemudian diberi kemudahan-kemudahan asas seperti elektrik, air dan juga tempat mereka bercucuk tanam. Hasilnya selepas kita mencapai kemerdekaan, hasil daripada perjanjian gentleman di antara berbagai kaum di negara ini, maka kampung baru ini diteruskan dan diletakkan di bawah satu Kementerian khusus dan pada tiap-tiap tahun

mereka mendapat peruntukan khas untuk memajukan kampung-kampung baru.

Dalam masa yang sama kita lihat tidak ada peruntukan khusus untuk kampung-kampung tradisional. Oleh kerana banyak penduduk-penduduk daripada kampung tradisional yang masuk ke Rancangan-rancangan Tanah Pembangunan Tanah seperti FELDA, FELCRA dan sebagainya kita dapati taraf hidup orang yang berhijrah tadi adalah lebih baik kalau dibandingkan dengan mereka yang berada di dalam kampung tradisional.

Dengan itu, kampung tradisional ini tinggal terbiar dan kita lihat bahawa agensi-agensi dan juga Kementerian-kementerian mempunyai program bagi kampung-kampung tradisional tetapi program-program ini saya rasa lebih banyak mendatangkan mudarat kalau sekiranya ditumpukan dengan mendadak begitu rupa tanpa perancangan yang khusus. Sebab kita lihat bahawa oleh kerana tidak ada Kementerian yang khusus maka semua pihak boleh masuk ke kampung tradisional, dengan itu mereka menerima program-program tertentu dari semasa ke semasa. Selepas program itu habis mereka akan balik ke kedudukan asal.

Dengan itu apabila percantuman dengan kampung-kampung baru tadi sesuatu harus dibuat untuk mengimbangkan kedudukan pembangunan di antara kampung baru dan juga kampung tradisional, dan tidak tahu mungkin Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar masih lagi menggunakan istilah kampung baru dan kampung bandar. Sebab penggunaan istilah ini akan merosakkan usaha-usaha kita ke arah perpaduan yang kita ingin terokai bersama. Dengan itu kalau sekiranya ada apa-apa peruntukan nanti haruslah diletakkan di atas dasar untuk mengimbangkan pembangunan

di antara kampung-kampung tradisional dan juga kampung-kampung baru. Dan adalah elok dan wajar kalau sekiranya belum dibuat lagi supaya ianya diletakkan di bawah kemajuan perkampungan dan bukan kita membezakan di antara kampung-kampung ini. Sebab sudah 35 tahun kita memberi perhatian kepada kampung baru. Walau bagaimanapun, pihak Barisan Nasional, pihak penyokong-penyokong Kerajaan tidak pernah pun mengungkit perkara ini tetapi pihak Pembangkang saya hairan walaupun Kerajaan beri peruntukan tambahan pula sebanyak \$5.5 juta masih lagi tidak berpuas hati. Saya rasa yang tidak puas hati bukanlah penduduk-penduduk kampung baru tetapi ini adalah merupakan manipulasi Pembangkang untuk menentukan mereka dapat pengaruh dan juga kerusi di kawasan-kawasan yang berkenaan.

Kemudian, saya ingin menyentuh Maksud P.17—Kementerian Wilayah Persekutuan di mana pembangunan-pembangunan peruntukan telah diuntukkan untuk pembangunan bandar wilayah baru Labuan dan juga Bukit Tinggi. Saya ingin menyentuh secara keseluruhan mengenai perkara ini. Eloklah oleh kerana ini merupakan bandar baru di bawah Wilayah Persekutuan, sesuatu dirancangan untuk menunjukkan bahawa terdapat perseimbangan penduduk di antara Melayu dan juga bukan Melayu.

Oleh kerana kedudukan bandar-bandar yang wujud sekarang adalah bandar-bandar yang wujud sejak daripada zaman penjajahan lagi dan juga sejak sebelum penjajahan. Dengan itu terjadilah apa yang kita lihat bahawa orang-orang Melayu banyak tinggal di luar bandar, orang-orang bukan Melayu (kaum Tionghua) banyak yang tinggal di bandar-bandar. Jadi, dengan itu bagi penempatan baru ini harus dibuat supaya terdapat

perseimbangan kalau boleh dilebihkan penduduk-penduduk Melayu untuk diseimbangkan dengan penduduk-penduduk bukan Melayu yang terdapat di Kuala Lumpur sekarang. Dari segi politik ini kita dapat tengok sejauh mana pula DAP ke depan ini mereka hendak main musik ataupun tarian untuk hendak tarik pengundi-pengundi Melayu supaya sokong mereka, sebab sekarang ini dalam bandar oleh kerana banyak yang bukan Melayu, dengan itu mereka boleh memainkan isu-isu perkauman.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, Maksud P.19—Kementerian Pertanian, Butiran 2. Kita dapati bahawa sebanyak \$133 juta lebih telah diperuntukkan di bawah pinjaman daripada (a) hingga (f). Saya ingin menyentuh program sawah terbiar. Yang Berhormat Menteri Pertanian sering menyarankan bahawa usaha penanaman padi tidak mendatangkan keuntungan yang banyak dan dengan itu sesuatu harus dibuat supaya sawah terbiar ini diusahakan dengan tanaman-tanaman lain. Sebab kalau sekiranya kita sebut program sawah terbiar, sawah ini maknanya kita tanam padi, makna kata kita masih meneruskan usaha-usaha penanaman padi. Tetapi kalau sekiranya kita rancangkan untuk program-program yang lain di bawah buah-buahan dan sayur-sayuran sesuatu juga harus dibuat untuk menentukan bahawa program ini mendapat pasaran yang sewajarnya.

Di Negeri Perlis yang pernah saya lihat semasa musim buah mempelam yang lepas, kita dapati ini belum ada program tanaman buah-buahan yang dibuat oleh IDP, kita dapati yang ditanamkan oleh petani-petani satu rumah dia ada lebih kurang 5 hingga 10 pokok. Kita dapati buah mempelam terbiar begitu sahaja. Tidak ada pasaran dan buah harum manis yang di sini harga \$5, \$6 di sana tidak berharga, tiap-tiap orang yang

datang ke Negeri Perlis akan dapat buah tangan balik dengan buah tangan yang berupa buah mempelam.

Kalau sekiranya kita hendak pula adakan rancangan tanaman buah mempelam, sekarang IDP telah memulakan rancangan, saya rasa lebih daripada 400 ekar tanaman buah mempelam dan mungkin akan berbuah tahun hadapan ataupun tahun 1988, saya rasa kita akan menghadapi masalah kelebihan buah mempelam di negeri yang berkenaan.

Sesuatu harus dibuat oleh Kementerian ini dengan kerjasama Kementerian-kementerian lain untuk menentukan supaya buah-buahan ini mempunyai pasaran. Kita perlu wujudkan industri ke arah tersebut, jangan jadi seperti rancangan-rancangan yang kita buat pada masa yang lepas. Contohnya seperti rancangan Buku Hijau yang kita buat dahulu yang mana di negeri-negeri Kedah dan Perlis keutamaan diberikan kepada tanaman kacang tanah. Semua orang menanam kacang tanah dan beratus ekar telah ditanam dengan kacang tanah. Apabila kacang tanah kita telah tanam, kita menghadapi masalah pasaran dan juga tandingan daripada pengusaha-pengusaha kacang tanah di negeri Perak. Oleh kerana mereka telah pun established, dengan izin, tentang kedudukan pasaran kacang tanah, maka mereka dapat menandingi pasaran kacang tanah yang dikeluarkan dari negeri-negeri Kedah dan Perlis dan akhirnya kita dapati kacang tanah itu walaupun sesuai tanahnya, akhirnya berumur tidak sampai dua tahun dan rancangan ini terbengkalai.

Demikianlah juga usaha-usaha yang ke hadapan ini, terutamanya dari segi buah-buahan supaya industri-industri sampingan perlu diwujudkan seperti mengetinkan buah mempelamkah ataupun sebagainya yang boleh

memberi jaminan pasaran kepada program yang telah diusahakan oleh petani-petani. Kita tidak mahu pinjaman yang dikeluarkan oleh Bank Pertanian ini menghadapi masalah pembayaran kalau sekiranya petani-petani tidak dapat memasarkan buah-buahan mereka.

Walaupun Kementerian Pertanian tidak berapa menggalakkan penanaman padi tetapi buah masa sekarang ini, inilah tahap yang orang kata boleh bertahan, petani-petani boleh bertahan iaitu penanaman padi. Dan kita dapati bahawa padi pasarnya memang terjamin, Lembaga Padi dan Beras Negara akan terus membeli padi walaupun padi itu padi yang telah rosak dan sebagainya. Jadi sebagai bandingan dengan buah-buahan tadi supaya FAMA juga akan berbuat demikian akan terus membeli buah-buahan walaupun kadang-kadang kita lihat buah-buahan itu tidak sesuai dari segi pasaran. Mungkin subsidi tertentu perlu dibuat untuk pemasaran buah-buahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua akhir berhubung dengan Maksud P.36 Polis Diraja Malaysia iaitu berhubung dengan UKK ataupun Unit Kawalan Kawasan. Walaupun tambahan kita lihat yang diminta dibubuh token, dengan izin, \$10 tetapi saya ingin menyentuh tentang Unit Kawalan Khas ini adalah penting bahawa Unit Kawalan Khas ini diperkuatkan dan diberi penyertaan khusus daripada penduduk-penduduk tempatan.

Kawalan Keselamatan bagi negeri-negeri di sempadan walaupun sekarang ini dibina pagar tetapi pagar ini cuma dibina di kawasan berdekatan dengan entry point, dengan izin, dan kawasan-kawasan yang terbentang luas adalah merupakan tempat syurga penyeludup-penyeludup untuk menyeludup terus apa sahaja benda yang mereka dapat membuat wang. Jadi Unit Kawalan Khas ini bukan

sahaja kita mengambil anak-anak tempatan untuk bekerja dengan jabatan yang berkenaan tetapi kita harus menggerakkan penduduk-penduduk supaya cenderung ke arah keselamatan.

Pada masa sekarang ini di kawasan sempadan, saya beri contoh di kawasan yang saya pernah tengok sendiri, di kawasan Kuala Perlis, penyeludup beras ataupun apa-apa yang disimpan dalam guni-guni di belakang motosikal itu kita tidak tahu apa, tetapi yang kita tahu beras, dia naik dengan begitu laju di depan rumah-rumah penduduk-penduduk tanpa hirau dan penyeludup-penyeludup ini pula adalah orang-orang tempatan, sebab orang-orang yang berdekatan itu takut untuk memaklumkan kepada pihak keselamatan sebab kalau sekiranya mereka maklum nama mereka dibabitkan dengan itu mereka akan mendapat amaran tertentu.

Sebagai contohnya walaupun kadang-kadang kita kata orang-orang yang buat laporan ini nama mereka dirahsiakan tetapi penyeludup-penyeludup seringkali mendapat tahu siapakah orang yang telah membuat laporan berhubung dengan kegiatan mereka. Jadi Unit Kawalan Khas ini bukan sahaja setakat untuk mengambil anak tempatan untuk bekerja tetapi kita pastikan bahawa penduduk memberi kerjasama untuk mengawal keselamatan. Sebab keselamatan ini sesuatu yang tidak dapat dilaksanakan dengan hanya melalui pasukan keselamatan.

Kita dapati dalam Perang Dunia dahulu kalau hendak kira askar sahaja, saya ingat Amerika dan juga pihak Bersekutu tidak dapat berjaya tanpa sokongan penduduk-penduduk melalui askar-askar revolusi. Jadi demikian juga ini adalah perkara kecil di negeri kita ini iaitu tanpa penyertaan penduduk-penduduk kita

akan sukar untuk menentukan kawalan keselamatan ini dapat dibuat dengan baik. Kalau sekiranya perlu bahawa mereka ini, penduduk-penduduk yang berdekatan dengan sempadan ini diberi latihan tertentu dua bulan atau tiga bulan ataupun mereka bekerja dalam bentuk sementara, mereka bekerja sebulan sekali dan sebagainya, jadi menunjukkan kecenderungan mereka untuk sama-sama menjaga keselamatan.

Kalau kita letakkan kepada dua, tiga orang atau pegawai-pegawai sahaja, saya rasa pegawai-pegawai yang terlibat juga kadang-kadang menghadapi masalah dan saya juga cadangkan supaya pegawai-pegawai yang terlibat dengan keselamatan ini tidak ditempatkan di sesuatu tempat dalam jangka masa yang lama. Sebab kalau sekiranya kita letakkan disesuatu tempat dalam jangka masa yang lama, mereka bukan sahaja menghadapi masalah dari segi kekesanan tetapi juga kedudukan mereka sendiri sebab kita mahu elakkan pegawai keselamatan sudah berkenalan rapat dengan penyeludup maka hubungan ini kadang-kadang mendatangkan masalah untuk mereka menjalankan kerja-kerja dengan berkesan. Dengan itu sepatutnya berlaku pertukaran dari satu tempat ke satu tempat dalam jangka masa yang pendek untuk membolehkan perkenalan di antara pihak keselamatan dan penyeludup tidak dapat begitu erat dan dengan itu kita dapat kawal keselamatan dengan berkesan.

Akhir sekali ialah berhubung dengan Maksud P.48 Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar iaitu Kemajuan Taman Negara.

Tuan Yang di-Pertua, Taman Negara adalah penting bukan sahaja penting kepada penghuni-penghuninya yang terdiri daripada

binatang yang terkawal dan juga binatang yang tidak terkawal tetapi penting kepada manusia yang bertamaddun untuk menghidupkan semangat mereka cintakan alam semula jadi dan dalam masa yang sama kita akan dapat menentukan bahawa binatang-binatang terkawal ini akan dapat hidup terus. Kita harus gerakkan bahawa Taman Negara di samping tujuannya ialah untuk pelancongan, kita mesti anggap bahawa Taman Negara juga merupakan tempat yang kita mesti pastikan bahawa ianya tidak diganggu terus sebab dalam maksud bahawa kalau sekiranya kita keluarkan geran kekal bagi sesuatu tanah maka demikian juga kita beri cara yang sama kepada Taman Negara supaya Taman Negara tidak diganggu sebab baru-baru ini ada projek yang akan dijalankan di Taman Negara.

Jadi, perkara-perkara itu kalau sekiranya kita laksanakan, maka pihak-pihak lain akan mengambil kesempatan. DAP misalnya mencari kesempatan untuk mendapatkan publisiti apabila kita melancarkan projek hidro di Taman Negara. Jadi daripada kita memberikan peluang untuk mereka mendapat publisiti percuma, lebih baiklah kita merancang elok-elok supaya Taman Negara ini tak diganggu lagi. Kalau sekiranya ada projek hidro yang kita rasa bersesuaian mestilah digerakkan di tempat-tempat lain yang boleh membantu kawasan yang telah kita tentukan.

Jadi itu sahajalah, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih dan saya menyokong Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil.1), 1986.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kerai.

4.41 *ptg.*

Tuan Mohamed bin Isa (Kuala Krai): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk bercakap bagi menyokong Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil.1), 1986, Kertas Perintah 30, tahun 1986.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh dalam beberapa tajuk butiran yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan kepada Dewan berhubung dengan Anggaran Perbelanjaan (Tambahan) yang sedang dibincangkan dalam Dewan yang mulia ini sekarang.

Yang pertama, Butiran 4, P.7—Jabatan Perdana Menteri berhubung dengan projek-projek kecil yang berjumlah sebanyak \$7 juta. Saya menyokong kerana projek-projek kecil yang telah dirancang dan telah dilaksanakan oleh Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Pertama, Kedua, Ketiga, Keempat dan pada hari ini di dalam Rancangan Malaysia Kelima adalah memberikan kesan dan memberi pertolongan yang amat luas dan berkesan sekali kepada masyarakat ataupun kepada rakyat terutama sekali bagi penduduk-penduduk di kawasan pendalaman ataupun penduduk di kawasan luar bandar.

Sebagaimana yang kita telah mengetahui, kawasan luar bandar adalah merupakan satu kawasan yang termundur di negara kita sekiranya kita hendak buat perbandingan di antara kawasan bandar yang sebegitu pesat pembangunannya, walaupun kawasan bandar itu kalau dari segi politiknya boleh dikatakan rakyat di kawasan bandar itu tidak pun memberi sokongan kepada Kerajaan Barisan Nasional ataupun kepada

Kerajaan yang memerintah. Bukti yang jelas dan ternyata sewaktu kita menghadapi pilihanraya baru-baru ini, boleh dikatakan sebilangan besar kawasan bandar adalah terdiri daripada mereka yang tidak memberi sokongan kepada Kerajaan dengan sebab pemilihan mereka kepada wakil-wakil rakyat yang terdiri daripada parti-parti Pembangkang.

Dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, haruslah pembangunan ini ditumpukan kepada kawasan-kawasan luar bandar kerana di sinilah beradanya rakyat yang tahu membalas budi, yang tahu mengenang jasa kepada pemimpin dan juga kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal untuk membangunkan kawasan-kawasan luar bandar, walaupun ada parti Pembangkang khususnya parti PAS, terutama sekali bagi negeri-negeri Pantai Timur, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis, pemimpin-pemimpin PAS itu sentiasa meracuni fikiran rakyat supaya tidak menerima pembangunan, projek-projek sama ada kecil atau besar yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan di satu-satu tempat, sehingga dalam kempen-kempen pilihanraya baru-baru ini, pemimpin-pemimpin PAS telah masuk ke kampung-kampung menyatakan rakyat tak payahlah menerima pembangunan kerana itu adalah merupakan satu daripada perkara keduniaan sahaja yang tidak memberi kesan dan erti sebagai orang Islam iaitu projek-projek pembangunan yang ada pada hari ini.

Itulah slogan ataupun kata-kata yang dibawa oleh pemimpin-pemimpin PAS ke kampung-kampung. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, rakyat menolak, walaupun pemimpin-pemimpin PAS itu masuk kampung, keluar kampung tetapi rakyat tidak menerima dan rakyat berkehendakkan kepada pembangunan tadi.

Dalam soal ini saya sukalah mengatakan di dalam Dewan ini supaya Kerajaan, dan saya masih ingat lagi satu ketika dahulu Kerajaan telah melancarkan satu rancangan yang dinamakan Rancangan Pemulihan Kampung (RPK) di seluruh negara. Kerajaan telah menyediakan sedikit peruntukan bagi masyarakat desa yang daif, yang tidak mampu untuk mendirikan rumah mereka dan Kerajaan telah membekalkan kayu dan alat-alat perumahan bagi membina rumah. Tetapi mungkinlah disebabkan oleh kemelesetan ekonomi negara, maka Rancangan Pemulihan Kampung ini tidak dapat diteruskan. Saya berharaplah kepada Kerajaan, sekiranya keadaan ekonomi dan kewangan negara stabil, dapat diteruskan projek ini kerana rakyat menerima rancangan ini dengan penuh harapan dan berterima kasih kepada Kerajaan dan mereka mengatakan dengan rancangan itu menunjukkan bahawasanya Kerajaan yang ada pada hari ini bertanggungjawab kepada segenap lapisan masyarakat.

Berhubung dengan butiran 7, Pusat Penyelidikan Agama, peruntukannya berjumlah \$5,366,700. Tuan Yang di-Pertua, saya berharap satu Jawatankuasa melalui Pusat ini dapat memberi penerangan dan penjelasan berhubung dengannya supaya masyarakat Islam di negara ini tidak menjadi keliru dengan fatwa-fatwa karut yang dibawa oleh golongan-golongan tertentu yang memperalatkan agama untuk kepentingan politik mereka kerana saya sayangkan kepada rakyat Islam yang begitu sekali terkeliru, yang mana pada satu ketika dahulu waktu berlakunya peristiwa Memali, yang mana pemimpin-pemimpin PAS telah menganjurkan lawatan masyarakat Islam ke kawasan perkuburan Memali pada satu ketika dahulu dan dengan kepercayaan yang dibawa, yang disebutkan, yang dihasut oleh pemimpin-pemimpin PAS itu sehingga

ada masyarakat Islam yang terkeluar dari pegangan akidah yang sebenar dan mempercayai bahawasanya tanah kubur penderhaka yang mati di Memali itu adalah sebagai satu tanah suci sehinggakan ada di antara masyarakat Islam kita yang membawa balik tanah itu diletakkan di bawah tinar sembahyang dan setiap hari tanah itu dibuat sembahyang.

Jadi, ini menjadi tanggungjawab Pusat Pendidikan Agama dan juga Jabatan Agama, Jabatan Perdana Menteri supaya perkara-perkara yang seperti ini tidak akan berlaku di kalangan masyarakat Islam kita.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Butiran 17—Peniaga-peniaga Kecil, ini adalah satu perkara dan peruntukan yang boleh dibanggakan kerana dengan menyediakan peruntukan ini memberi kesempatan yang luas kepada peniaga-peniaga kecil yang ada di seluruh negara kita, terutama sekali bagi peniaga-peniaga kecil Melayu. Apa yang saya suka utarakan di sini ialah supaya Kerajaan dapat menyalurkan peruntukan-peruntukan ini kepada badan-badan sukarela yang berada di setiap jajahan ataupun dapat disalurkan peruntukan-peruntukan untuk menolong peniaga-peniaga kecil ini kepada persatuan-persatuan penjaja yang ada di seluruh Malaysia ini yang mana setiap negeri dan setiap jajahan telah pun ada, supaya dapat persatuan-persatuan penjaja di seluruh negara berfungsi, dengan adanya cara ini ataupun pertolongan dari Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Butiran 31—Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kemajuan Perkampungan yang berjumlah \$5,500,000.00. Saya menyokong anggaran ini, tetapi saya suka menyatakan supaya Kementerian ini dapat memberi perhatian kepada Pembangunan Kampung-kampung

Baru yang ada di seluruh negara ini, bukan sahaja ditumpukan kepada bahagian-bahagian tertentu kerana bagaimana yang sahabat saya dari Arau nyatakan tadi, kampung baru ini wujud ialah dari berlakunya peristiwa darurat dahulu, daripada tahun 50an kerana kampung-kampung baru ini diwujudkan waktu kemuncaknya keganasan pengganas komunis dan Kerajaan pada masa itu tidak dapat mengawal untuk menjaga keselamatan, maka tidak ada cara lain waktu itu, maka masyarakat kampung-kampung kecil yang berada di sekitar kawasan itu dikumpulkan, dijadikan satu kampung baru. Tetapi dalam kumpulan ini beberapa negeri terlibat khususnya seperti negeri Perak, Kedah, Kelantan dan juga Pahang dan lain-lain negeri.

Tetapi apa yang saya hendak utarakan di sini, di negeri Kelantan ada 27 rancangan kampung baru yang telah diwujudkan pada tahun 1952, 1953 dan 1954 masa darurat dahulu, tetapi sebanyak 27 kampung baru ini tidak diberi perhatian sejak daripada dahulu lagi oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan atau Kemajuan Perkampungan. Saya diberi faham satu ketika dahulu tidak ada istilah kampung baru di negeri Kelantan sedangkan negeri Kelantan adalah sebuah negeri yang teruk pada waktu itu menghadapi pengganas komunis dan telah pun diwujudkan bagaimana jumlah yang saya sebutkan tadi 27 kampung-kampung baru untuk menempatkan penduduk-penduduk supaya mereka tidak mengadakan perhubungan dengan komunis pada waktu itu, dan kampung itu dikawal oleh Pasukan Keselamatan dan juga Pasukan Kawalan Kampung dan sebagainya. Tetapi kampung-kampung ini terbiar sehingga hari ini, tidak diberi perhatian, maka dengan sebab itu saya berharaplah dengan keadaan yang berlaku pada hari ini supaya kampung-kampung baru di

seluruh negeri Kelantan ini diberi perhatian dari segi pembangunan, kemudahan asas dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan P.29—Kementerian Pertanian, saya suka menyatakan, dapat kiranya Kementerian ini membuat kajian yang teliti di dalam masalah-masalah mengadakan program-programnya supaya program-program yang kita buat tidak akan menjadi tergendala, kerana saya masih ingat lagi pada satu ketika dahulu masyarakat dan rakyat negara ini khususnya masyarakat desa telah diberi perhatian, diberi galakan supaya menanam pokok limau. Jadi, kita dapati setiap kampung, setiap tempat, penduduk-penduduk, khususnya petani-petani telah menanam pokok limau, tetapi akhirnya pokok limau itu apabila sahaja mengeluarkan hasil tidak ada tempat untuk dipasarkan dan akhir sekali projek pokok limau itu hilang begitu sahaja.

Jadi dengan sebab itu program-program yang tertentu perlu disusun, misalnya dari segi pasaran, apakah jenis pasaran, barang-barang pasaran tadi, ataupun tanaman pasaran tadi yang perlu diberi galakan kepada masyarakat petani menanamnya dan juga pasaran semasa dan pasaran yang akan berterusan, tidak sahaja dari segi jangka masa yang singkat tetapi akan berterusan.

Misalnya kita dapati pada ini, Tuan Yang di-Pertua, pasaran pisang emas, pasarannya amat menggalakkan sekali di negara luar misalnya seperti di Jepun, Hong Kong, Korea dan beberapa buah lagi negara asing yang begitu tertarik dengan pisang ini dan kenapakah program ini kita tunggu sampai orang lain mengambil kesempatan, tidak kita memberi galakan kepada petani-petani kita, kerana pisang ini, masanya amat singkat sekali dan akan mengeluarkan

hasil yang memuaskan. Kemudian pula kita hendaklah jaga dari segi kawalan mutunya supaya pengeluaran kita adalah mengikut dalam pengeluaran hasil yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam muka surat 8, P.51 Kementerian Pengangkutan, Keretapi Tanah Melayu sebanyak \$3,800,000 telah diperuntukkan sebagai anggaran tambahan bagi tahun 1986. Saya hendak sentuh sedikit sahaja berhubung dengan butiran ini, saya masih ingat lagi satu ketika dahulu Kerajaan telah membuat kajian tentang kedudukan tanah-tanah terbiar kepunyaan Keretapi Tanah Melayu di seluruh negara. Saya tidak tahu mungkinlah pada masa itu kerana sistem penjajah yang memerintah negeri kita telah diberi milik begitu luas kepada Keretapi Tanah Melayu dan tanah itu merupakan salah satu daripada tanah terbiar yang perlu diberi perhatian di sesuatu bandar, di sesuatu kawasan kerana setahu kita masyarakat, terutama sekali penduduk-penduduk di kawasan bandar dan juga penduduk-penduduk di bandar-bandar kecil di seluruh negara ini tidak mempunyai tanah untuk kita beri. Maka adalah lebih baik tanah-tanah kepunyaan keretapi yang tidak digunakan ini diambil dan diberi kepada masyarakat ataupun kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam muka surat 10, Butiran 23 Lembaga Lebuhraya Malaysia telah diperuntukkan sebanyak \$328 juta. Ini juga saya suka menyatakan dan saya mengucapkan terima kasih kerana Kerajaan mewujudkan Lembaga ini untuk memberi tugas untuk menyediakan sebanyak mungkin kemudahan-kemudahan asas untuk kegunaan rakyat negara ini. Tetapi dalam soal ini saya suka mengambil kesempatan dalam Dewan ini supaya dapat Kerajaan memberi fahaman yang jelas kepada semua agensi-agensi

Kerajaan yang ada di Kementerian-kementerian supaya waktu melaksanakan projek pembangunan untuk rakyat dapat Jabatan-jabatan tadi mempunyai persefahaman yang begitu baik, kerana apa yang berlaku di kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua, satu Lebuhraya Kuala Kerai/Gua Musang telah pun siap diguna dan saya ucapkan terima kasih. Kemudian daripada itu, Lembaga Letrik Negara akan membuat satu talian melalui Lebuhraya Kuala Kerai/Gua Musang, peruntukan telah pun lulus dan sebahagian daripada projek itu telah pun dilaksanakan, tetapi apabila sampai sahaja kepada Lebuhraya Kuala Kerai/Gua Musang, perselisihan pendapat telah berlaku di antara dua agensi tadi, iaitu Lembaga Letrik Negara dan Lembaga Lebuhraya Malaysia. Kata Lembaga lebuhraya, kawasan jalan ini kepunyaan dia. Kata Lembaga Letrik Negara, dia telah diberi mandat untuk melaksanakan projek ini. Beberapa kali mesyuarat, tak dapat diselesaikan. Maka hari ini projek itu tak dapat diteruskan kerana persefahaman masih lagi tidak ada di antara dua Jabatan atau agensi tadi. Jadi ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah bukan sahaja merugikan masa dan juga akan merugikan wang dan rakyat yang telah menaruh kepercayaan begitu rupa kepada Kerajaan Barisan Nasional akan berasa kecewa. Dalam soal ini adalah dapat kiranya perkara-perkara yang seperti ini tidak akan berlaku di antara agensi-agensi yang ada di negara kita pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyentuh sedikit berhubung dengan projek tadi yang saya tidak dapat menyebutkan pada awal tadi, iaitu dalam segi pelaksanaan. Dari segi pelaksanaan projek-projek kecil, besar dan sebagainya bagi satu-satu kawasan, satu-satu jajahan adalah lebih elok sekiranya Kerajaan dapat menubuhkan khusus satu Jawatankuasa Pelaksanaan Projek di

peringkat-peringkat jajahan supaya dapat kita kawal rancangan-rancangan pembangunan itu mengikut kehendak dan juga tujuan-tujuan rancangan-rancangan itu dilaksanakan.

Maka itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Dengan ini saya menyokong penuh Kertas Perintah 30/86, Anggaran Perbelanjaan Pembangunan yang dibentangkan di dalam Dewan ini semalam. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Ipoh.

5.06 ptg.

Tuan P. Patto (Ipoh): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian atas masalah di hadapan Dewan.

Sebelum saya menyentuh secara detail, saya ingin merakamkan dalam Dewan yang mulia ini pandangan saya terhadap sikap yang ditunjukkan oleh pihak Kerajaan, khususnya dalam menyediakan Anggaran Perbelanjaan dan diikuti pula dengan Anggaran Perbelanjaan Tambahan, baik bagi Maksud Perbelanjaan Mengurus ataupun Perbelanjaan Pembangunan. Pihak Kerajaan tidak boleh menganggap Dewan sebagai satu "rubber stamp" untuk memberi kelulusan kepada apa sahaja yang diminta oleh Eksekutif tanpa ditelitikan, tanpa diberi kesempatan kepada ahli-ahli Dewan dan tanpa memberi maklumat-maklumat yang penting dan maklumat-maklumat yang harus diberi untuk menyokong permintaan peruntukan tambahan itu.

Kalau kita kaji memorandum-memorandum yang diberi untuk memperkuatkan permintaan peruntukan tambahan, maka memorandum-memorandum yang dibentangkan adalah memorandum

yang tidak mengandungi maklumat-maklumat yang dikehendaki oleh ahli-ahli dalam Dewan ini. Memorandum yang dibentangkan sekarang ini jauh berbeza dengan memorandum-memorandum yang pada satu ketika dahulu dibentangkan dalam Dewan di mana detailnya diberi dalam memorandum itu, tetapi kali ini saya rasa sungguh kesal bahawa ini adalah satu perubahan dasar pihak Kerajaan supaya jangan memberitahu secara detail apakah wang yang diminta untuk diluluskan oleh Dewan itu digunakan bagi maksud ini, maksud itu atau projek ini dan projek itu. Apa yang kita dapati hari ini adalah peruntukan-peruntukan itu dilonggokkan dan meminta Dewan meluluskan. Jadi, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan boleh menghuraikan mengapa perubahan ini berlaku, mengapa ahli-ahli Dewan ini dinafikan hak untuk mengetahui secara detail apakah perbelanjaan itu dibuat dan mengapakah Dewan ini perlu meluluskan peruntukan yang diminta diluluskan itu.

Tuan Yang di-Pertua, biasanya Dewan tidak membahaskan Kepala-kepala Tanggungan "T", tetapi ingin saya menyentuh di sini peruntukan tambahan ini. Peruntukan tambahan Anggaran Perbelanjaan Mengurus yang diminta dilulus oleh Dewan biasanya diluluskan. Saya hairan sedikit dengan permintaan Perbendaharaan untuk meluluskan wang sejumlah \$197,500,000 iaitu satu peruntukan bagi maksud Penyelenggaraan Jalanraya Negeri dan wang ini adalah pemberian daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri.

Kalau saya tidak silap, pemberian ini adalah dikehendaki oleh peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan dan kalau itu begitu, mengapakah peruntukan ini tidak dimasukkan dalam Anggaran

Belanjawan pada hujung tahun sudah apabila Dewan ini meluluskan itu oleh kerana pemberian ini adalah satu-satunya yang perlu dibuat mengikut kehendak Perlembagaan.

Yang kedua, apakah ini menunjukkan ketidakcekapan pihak Kementerian Kewangan dalam merangkakan anggaran bagi tahun hadapan dan juga ingin saya mendapat tahu sama ada pemberian ini tiba-tiba muncul kerana ada satu perubahan dalam formula yang digunakan oleh Kerajaan Persekutuan untuk memperuntukkan pemberian bagi jalan-jalan negeri. Dan kalau itu benar, ingin juga saya menarik perhatian Yang Berhormat tersebut bahawa pemberian yang diberi termasuklah tambahan ini, yang diminta untuk diluluskan, memandangkan kos penyelenggaraan jalan-jalanraya masih tidak mencukupi dan saya berharap apabila Belanjawan yang dibentangkan nanti dalam bulan ini juga perkara ini akan diambil kira dan janganlah kembali ke Dewan ini untuk mendapat peruntukan tambahan lagi, khususnya bagi Kepala T. Ini biasanya tidak berlaku, saya hairan kenapa berlaku kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, sejumlah \$1,173,476,450 diminta diluluskan iaitu tambahan bagi Belanja Mengurus dan juga tambahan bagi pembangunan termasuk tambahan di bawah Kepala T.11.

Tuan Yang di-Pertua, dalam meluluskan permintaan daripada pihak eksekutif perlu kita mempersoalkan apakah peruntukan-peruntukan yang diminta untuk diluluskan itu kesemuanya dibelanjakan dengan niat yang jujur ataupun ada kalanya perbelanjaan dibuat dengan kata pepatah dalam Bahasa Malaysia: Ada udang di sebalik batu.

Saya rujuk kepada perbelanjaan \$222.571 juta di bawah Jabatan Perdana Menteri bagi maksud projek-projek kecil dan infrastruktur, kemudahan awam dan sosial serta keagamaan bagi kawasan-kawasan bandar dan luar bandar. Dan mengikut penyata keluarga wang iaitu Kertas Perintah 32 iaitu penyata keluaran wang daripada Kumpulanwang Perbelanjaan Luar Jangka, wang ini dikeluarkan di antara 1hb Januari, 1986 hingga 15hb Jun, 1986. Inilah tempoh pra-pilihanraya.

Kalau dalam tempoh pra-pilihanraya, maka sudah berertilah wang tambahan sebanyak \$222.571 juta ini digunakan bagi maksud memancing undi dan itulah sebab saya katakan perbelanjaan ini tidak disebutkan dengan secara terperinci. Adakah projek-projek kecil infrastruktur, kemudahan awam dan sosial serta keagamaan yang dimaksudkan dalam Maksud B.7 ini?

Memang kita sedar bahawa dalam tempoh ini wang ini dikeluarkan untuk menunaikan setakat mana yang boleh janji-janji yang dibuat dalam tempoh pra-pilihanraya ini. dan itulah sebab mungkin tidak ada detail dalam memorandum.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan harus ingat bahawa setiap sen yang dikutip daripada rakyat sama ada secara langsung atau tidak langsung hendaklah dibelanjakan bagi kepentingan rakyat tanpa mengira kecenderongan mereka kepada mana-mana parti politik sama ada mereka menyokong Barisan Nasional mahupun PAS atau DAP atau BEBAS atau lain-lain parti.

Bagi pihak Kerajaan pembayar cukai adalah sama dan mereka mempunyai hak untuk menerima penikmatan yang sama, tetapi kalau kita kaji secara terperinci, ini tidak dicerminkan oleh Kerajaan khususnya

dalam tempoh pra-pilihanraya, apakala peruntukan projek-projek kecil, kemudahan-kemudahan awam dan sebagainya digunakan sebagai kail untuk memancing undi tetapi tidak 100% berjaya.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Saya ingin mendapat tahu daripada pihak Kerajaan, apakah kriteria yang digunakan untuk membuat peruntukan-peruntukan bagi maksud-maksud yang disebutkan itu. Adakah salah satu daripada kriterianya kepercayaan politik atau kecenderungan pengundi-pengundi kepada satu-satu parti ataupun ianya dibuat berasaskan kepada keperluan? Itulah yang saya ingin mendapat tahu dan saya juga ingin menyentuh tentang bagaimana wang ini mungkin dipersalahkangunakan.

Saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada satu kes yang telah melibatkan pada satu ketika iaitu seorang Ahli Parlimen di mana beliau didapati salah oleh mahkamah bersabit dengan projek kecil juga, di Perak dan Ahli Yang Berhormat pada ketika itu ialah Ahli Yang Berhormat dari Beruas dan saya rasa bimbang kalaulah diberi, dengan izin, blanket approval, maka kemungkinan perkara-perkara seumpama itu boleh berlaku dan demi menjaga kepentingan, demi menjaga hak para pembayar cukai, perlulah Dewan ini diberi satu jaminan bahawa tidak ada sebarang penyalahgunaan dalam menggunakan peruntukan sebanyak \$222.571 juta itu.

Sekarang saya beralih kepada, juga dalam tajuk ini, Projek-projek Kecil Keagamaan. Saya kira ini adalah peruntukan bagi pembinaan semula, pembaharuan, pembaikan dan sebagainya bagi tempat-tempat ibadat. Di sini tidak sesiapa pun dapat mengetahui berapakah jumlah wang

daripada \$222.571 juta ini diperuntukkan bagi maksud itu. Itulah sebabnya, Tuan Yang di-Pertua, saya katakan cara melonggokkan kesemuanya di bawah satu Kepala dan menggunakan Kepala itu untuk mencari jalan mengelak daripada dipersoalkan, adalah satu-satu sikap dan tindakan yang tidak baik bagi satu-satu Kerajaan yang menuntut dirinya sebagai beramanah.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita negara berbilang agama dan hampir separuh rakyat negara ini beragama Islam dan separuh lagi bukan Islam. Memandangkan kedudukan dan keadaan itu, maka sudah jelaslah bahawa peruntukan yang dibuat hendaklah dibuat secara adil dan ini bukanlah bermakna bahawa DAP menentang atau mempersoalkan kedudukan Islam sepertimana termaktub dalam Perlembagaan—tidak. Saya harap penyokong-penyokong Kerajaan jangan salah tafsir apa yang saya katakan ini. Tetapi apa yang kami ingin mendapat tahu ialah peruntukan sama ada ia dibuat secara adil dan saksama atau tidak, tanpa mempersoalkan kedudukan agama Islam sepertimana termaktub dalam Perlembagaan dan juga kebebasan agama-agama lain yang dianuti oleh rakyat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan bagi Projek-projek Kecil bagi tempat-tempat ibadat juga digunakan dalam masa pra-pilihanraya untuk memancing undi khususnya apabila datang Menteri-menteri, untuk mengumumkan \$50,000 untuk kuil ini, \$100,000 untuk kuil itu, \$150,000 untuk mesjid ini dan sebagainya. Jadi ini kesemuanya menunjukkan sama ada perbelanjaan ini dibuat dengan niat yang jujur, baik ataupun “ada udang di sebalik batu”—memancing undi.

Kebebasan agama, Tuan Yang di-Pertua, hendaklah dijamin dan

kebebasan ini tidak boleh dicerobohi oleh sesiapa pun, baik apa agama pun.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis): (*Bangun*)

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya dapat masa yang cukup?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Adakah Yang Berhormat beri jalan atau tidak?

Tuan P. Patto: Kalau bersangkut-paut dengan apa yang saya berucap, saya rela.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Untuk penjelasan. Sekiranya parti Yang Berhormat berkuasa, agaknya tidakkah mengambil peluang sebagaimana yang dituduh itu, yang dituduh terhadap Kerajaan walaupun tuduhan itu tidak betul?

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama Yang Berhormat Timbalan Menteri itu sudah mengakui, itulah sebabnya beliau mempersoalkan tidakkah kami apabila berkuasa tidak akan berbuat demikian? Ertinya mereka berbuat, mereka bersetuju.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak, di hujung ayatnya dia kata “tidak betul”.

Tuan P. Patto: Bukan, itu hujung. Saya bermula daripada yang awal tadi. Oleh kerana beliau sudah sedar barulah beliau pusing balik dan mengatakan “walaupun kami tidak”, tetapi apabila beliau bermula dengan penjelasannya lain dan saya rela memberi jalan, kalau hendak lagi pun, boleh.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, ayat saya itu lengkap. Sebelum mengeluarkan sesuatu, saya sudah aturkan betul ayat

itu, ertinya yang kemudian itu ada hubungan dengan yang permulaan. Jadi ertinya saya menafikan bagi pihak Kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Satu ayat?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Ya, satu ayat.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri itu Timbalan Menteri Pelajaran, tetapi saya hairan juga dengan susunan ayatnya.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, minta jalan?

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Minta penjelasan.

Tuan P. Patto: Kalau berkaitan dengan ini, boleh.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Terima kasih Yang Berhormat dari Ipoh. Tadi kita baru sahaja mendengar pengesahan daripada Yang Berhormat dari Ipoh mengatakan bahawa ada terdapat Menteri-menteri ataupun Timbalan Menteri kita apabila pergi melawat ke sesuatu tempat, mengumumkan peruntukan \$50,000 untuk satu kuil, \$100,000 untuk satu kuil dan sebagainya. Jadi menambah ucapannya tadi, beliau menyatakan jangannya Kerajaan mendiskriminasi agama. Jadi kalau sekiranya sudah terbukti apa Yang Berhormat mengatakan tadi bahawa ada Menteri yang mengumumkan peruntukan untuk kuil \$50,000 dan sebagainya, di manakah letaknya tuduhan itu? Di manakah bukti kebenaran tuduhan Yang Berhormat dari Ipoh mengatakan kita

mendiskriminasi agama yang lain sedangkan peruntukan-peruntukan diberi kepada kuil Hindu, tempat sembahyang orang-orang Cina dan sebagainya? Terima kasih.

Tuan P. Patto: Yang Berhormat itu pun kurang faham juga. Apa yang saya katakan ialah diskriminasi itu tidak boleh diadakan, itu satu. Kedua, jangan menggunakan kesempatan menggunakan peruntukan ini untuk memancing undi.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Minta penjelasan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Apakah salahnya jika sekiranya peruntukan-peruntukan itu diberi walaupun pada pandangan Ahli Yang Berhormat dari Ipoh dan dari Ahli-ahli Pembangkang yang lain bahawa ianya semata-mata hendak memancing undi. Itu pada pandangan, pendapat daripada Ahli Pembangkang, tetapi sebenarnya dari segi hakikatnya orang ramai, sama ada orang Islam, orang Buddhist ataupun penganut agama Hindu, mendapat nikmat daripada peruntukan yang diberikan itu. Jadi di manakah bukti diskriminasi yang disebutkan tadi itu? Itu soalan saya, terima kasih.

Tuan P. Patto: Saya sungguh kesal sebab Yang Berhormat itu belum tahu hujung pangkal ucapan saya. Saya belum habis lagi dan masih dalam rangka Projek-projek Kecil Keagamaan. Dan apabila saya sebutkan diskriminasi, diskriminasi antara agama, diskriminasi antara kawasan, diskriminasi antara penyokong-penyokong sesuatu parti tentu berlaku. Ada sesiapa berani untuk menafikan itu, tentu tidak. Jadi diskriminasi ini tentu ada berlaku. Boleh saya sambung, Tuan Yang di-Pertua?

Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri (Raja Ariffin bin Raja Sulaiman): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Minta penjelasan?

Raja Ariffin bin Raja Sulaiman: Ya. Tuan Speaker, saya rasa apa yang disebutkan ada diskriminasi itu mungkin tidak betul kerana pembangunan yang berlaku ialah mengikut giliran, mengikut keperluan sesuatu tempat, sesuatu masa dan juga mengikut peruntukan-peruntukan yang ada. Maka tentulah kalau diberi masa dekat pilihanraya maka pihak Pembangkang tentulah menganggapkan ini cara hendak memancing undi. Memancing undi itu secara tidak kebetulan kerana memang tanggungjawab Kerajaan untuk membawakan pembangunan kepada rakyat dan ini dijadualkan mengikut

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat itu hendak menjawabkah ataupun hendak minta penjelasan daripada saya? Kalau minta penjelasan, saya beri jalan. Kalau hendak jelaskan tentang dasar Kerajaan, sila tunggu kemudian

Raja Ariffin bin Raja Sulaiman: Saya hendak minta penjelasan.

Tuan P. Patto: apabila hendak jawab.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ringkaskan, Yang Berhormat. Apakah soalnya?

Tuan P. Patto: Saya beri jalan. Kalau hendak minta penjelasan daripada saya, boleh.

Raja Ariffin bin Raja Sulaiman: Saya sebutkan tadi bahawa apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu tidak betul. Maka mintalah beliau jelaskan kerana beliau cabar supaya pihak Kerajaan menafikan.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat itu pun kurang faham juga (*Ketawa*).

Sebab kalau minta penjelasan daripada saya, saya beri jalan, saya rela beri. Minta penjelasan daripada saya. Tetapi ini kalau hendak jawab kepada perkara-perkara yang saya bangkitkan itu seolah-olah menjadi wakil Timbalan Menteri Kewangan, saya pun rasa tidak senang hati juga kerana kedudukan Timbalan Menteri itu sudah pun mula dicabar dalam Dewan ini (*Ketawa*). Jadi, saya haraplah kalau minta penjelasan, minta, dan saya rela beri jalan dengan keizinan Tuan Yang di-Pertua. Kalau masa disingkatkan, maka saya tidak akan memberi jalan. Tuan Yang di-Pertua

Raja Ariffin bin Raja Sulaiman: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Minta penjelasan?

Tuan P. Patto: Sebab bukan minta penjelasan, itu pendapat sendiri.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Marang.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Saya tengok saudara Yang Berhormat kita bercakap ikut sedap mulut sahaja. Bila dia kata peruntukan kepada Islam dan bukan Islam, dia kata kita ini tidak adil. Selalu dia katakan mestilah adil. Tetapi apabila Kerajaan telah memberi peruntukan kepada yang bukan Islam dan juga pada Islam, adillah itu namanya. Kita tidak mahu Yang Berhormat bercakap atas ikut perasaan dan emosi.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, saya ini rela memberi jalan

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Saya ini belum habis lagi, Tuan Yang di-Pertua

Tuan P. Patto: Tetapi jangan salah guna kesempatan ini.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua

Tuan P. Patto: Ini waktu saya, tidak memberi jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, minta penjelasan apa!

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya mahu supaya Yang Berhormat

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak memberi jalan. Kalau hendak mempersalahkan kesempatan ini, saya tidak memberi jalan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Ini penakut, penakut.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, duduk sekejap.

Tuan P. Patto: Saya tidak memberi jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Apa penjelasan itu!

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak memberi jalan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Penakut.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ini nasi sudah jadi bubur (*Ketawa*).

Tuan P. Patto: Saya tidak mahu beri jalan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Saya minta penjelasan

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat telah bagi jalan, sekarang dia

Tuan P. Patto: Ya, oleh kerana dia itu salah guna.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tidak, saya mahu minta penjelasan sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Itu terpulang kepada saya.

Tuan P. Patto: Baik, boleh.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya mahu Yang Berhormat buktikan di manakah yang dikatakan Kerajaan itu tidak adil. Jangan cakap ikut emosi sahaja. Saya boleh katakan seseorang itu tidak adil tetapi mesti disokong dan dihujah dengan bukti-bukti nyata. Kalau Kerajaan sudah memberi peruntukan kepada yang bukan Islam dan Islam, ertinya adil. Kalau hendak bercakap hendak dapat publisiti, tidak usah bercakaplah, muak, jemu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Minta penjelasan!

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Jadi, kita mahu bukti sekarang, apa buktinya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Penjelasan yang diminta itu ialah apa buktinya!

Tuan P. Patto: Yang Berhormat itu sudah pun beremosi. Kalaulah apa yang saya katakan itu

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Ipoh

Tuan P. Patto: Nanti.

Tuan Hu Sepang: Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Selepas mendengar hujah-hujah dari Ahli

Yang Berhormat kawasan Ipoh itu, saya sebagai seorang Ahli Parlimen daripada DAP juga saya rasa saya lebih faham apa tujuannya. Dan oleh kerana itu, sebahagian besar ahli-ahli Barisan Nasional kurang faham. Kalau saya boleh tambah di sini

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak boleh.

Tuan Hu Sepang: Bukan, minta penjelasan dari Ahli Yang Berhormat dari Ipoh. Adakah maksudnya dalam hujah-hujahnya dianggap bahawa dalam Pilihanraya Umum Tahun 1986 ini, pihak Barisan Nasional menggunakan politik kewangan untuk memenangi pilihanraya kali ini.

Tuan Ngoi Thiam Woh: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Nanti dahulu, dia jawab penjelasan itu.

Tuan P. Patto: Terima kasih. Yang Berhormat dari Rasah sudah memang benar (*Ketawa*). Sudah memang benar, kalau

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Tuan Ngoi Thiam Woh: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dia dahulu.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Dia sudah beri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tadi dia sudah bangun.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Kepada siapa Yang Berhormat dari Ipoh itu bagi penjelasan, bagi kawasan Kamparkah atau bagi kawasan Batu Berendam.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, saya beri jalan kepada Ahli dari Kampar (*Tepuk*).

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan dari Ahli kawasan Ipoh. Ada satu kes yang seperti begitu iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melawat satu kampung baru

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Itu bukan minta penjelasan.

Tuan Ngoi Thiam Woh: berkaitan dengan penjelasan ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Minta penjelasan, jangan bagi penjelasan.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Ya, minta penjelasan. Saya minta dia adakah betul yang itu dia maksudkan. Yang Amat Berhormat melawat kampung baru Mambang di Awan yang berada di kawasan Kampar. Beliau berjanji iaitu sebelum pilihanraya, berjanji membina sebuah poliklinik di kampung baru itu, yang kampung baru itu adalah kampung baru terbesar dalam negara kita. Tetapi sampai sekarang belum lagi poliklinik itu dibina. Janjian itu dibuat oleh Perdana Menteri sebelum pilihanraya yang beliau menggunakan kesempatan projek-projek kecil untuk memancing ikan (*Ketawa*)—maaf, memancing undi. Adakah ini Yang Berhormat dari kawasan Ipoh merujuk.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, yang saya sedar memang benar memancing undi. Yang saya tidak sedar, memancing ikan (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah Yang Berhormat itu mahukan bukti saya cabar, buktikan angka-angka peruntukan yang dibuat kepada masjid, gereja, kuil Hindu, Buddha dan Sikh. Saya cabar.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Peraturan Mesyuarat.

Tuan P. Patto: Nombor?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Nombor 36 10 (c). Muka surat 43—Bahasa Malaysia. “Perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan bersakit-sakit hati atau bermusuhan-musuhan di antara satu-satu kaum dengan satu kaum dalam Malaysia atau melanggar mana-mana syarat dalam “Perlembagaan Akta-akta Hasutan”. Ini yang disentuh begitu mendalam oleh Yang Berhormat dari Ipoh iaitu mengenai agama, mempersoalkan perbezaan yang telah diberi. Jadi, saya fikir bertepatan dengan apa yang diperkatakan di sini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, tadi diskriminasi yang you katakan adakah di antara kaum? Maksud Yang Berhormat.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, kalaulah Yang Berhormat itu mengikuti ucapan-ucapan saya dari awal sehingga sekarang, saya telah menyentuh tentang peruntukan bagi projek-projek kecil keagamaan dan saya juga telah menyatakan tanpa mempersoalkan kedudukan Islam sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan. Dan apabila kita mendengar ahli-ahli dalam Dewan ini gelak dan ketawa tadi, saya rasa tidak ada sesiapa yang di sini sudah naik perasaan atau sebagainya (*Ketawa*), termasuk Ahli Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran (*Tepuk*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat maksud Yang Berhormat itu saya minta, adakah Yang Berhormat sebut diskriminasi di antara kaum, adakah tidak?

Tuan P. Patto: Diskriminasi apa? Dalam peruntukan

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dalam peruntukan?

Tuan P. Patto: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): antara kaum?

Tuan P. Patto: Ya, antara satu agama dan lain. Itu yang saya katakan

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Itu saya tahu

Tuan P. Patto: sama ada, ada atau tidak, mengapa diwujudkan

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat!

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri telah membuat bantahan terhadap perkataan-perkataan yang diucapkan oleh Yang Berhormat dari Ipoh. Sekarang di bawah Peraturan Mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua haruslah membuat keputusan

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Peraturan Mesyuarat nombor?

Tuan Zubir bin Embong: Muka surat 48, Peraturan Mesyuarat 43. Apakah bantahan yang dibuat oleh Timbalan Menteri yang berkenaan

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sebutkan nombor itu lagi?

Tuan Zubir bin Embong: Peraturan Mesyuarat 43, muka surat 48—Bahasa Malaysia. Bantahan telah dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekarang apa keputusan Tuan Yang di-Pertua. Apakah Yang Berhormat dari Ipoh mesti menarik balik ucapannya, perkataan yang diucapkan olehnya itu ataupun tidak?

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, point of order atau apa?

Tuan Sim Kwang Yang: Point of order atas perkara yang sama. Oleh kerana Tuan Yang di-Pertua belum membuat sesuatu keputusan ke atas point yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran dan Peraturan Mesyuarat 43 tidak bersangkut-paut.

Sebelum Tuan Yang di-Pertua menimbang point yang dibangkitkan oleh

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya belum buat keputusan, Yang Berhormat nanti sekejap. Kalau maksud Yang Berhormat tentang diskriminasi di antara kaum-kaum dari segi peruntukan saya tidak benarkan, tidak boleh disentuh perkara itu.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, on a point of order. Peraturan Mesyuarat 36 (10) (c), Ahli Yang Berhormat dari Ipoh tidak menggunakan apa-apa perkataan-perkataan yang dapat ditafsirkan, dia cabar Ahli Yang Berhormat itu untuk mengkaji peruntukan yang diberi kepada beberapa agama sahaja, tidak ada niat ataupun tafsiran yang boleh diberi kepada Yang Berhormat dari Ipoh yang ingin menaikkan perasaan yang sensitif, tidak ada.

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ya!

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, perkataan-perkataan yang diucapkan oleh Yang Berhormat dari Ipoh itu ialah berkenaan dengan peruntukan yang diberikan kepada agama Islam, agama Hindu, agama Buddha dan agama Sikh

Tuan P. Patto: On a point of orderkah?

Tuan Zubir bin Embong: Duduklah dahulu.

Tuan P. Patto: On a point of order atau penjelasan?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): On a point of order.

Tuan Zubir bin Embong: Ini penerangan kepada point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan Yang Berhormat.

Tuan P. Patto: Point of order atau apa?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Zubir bin Embong: Jadi kalaulah ucapan itu dibenarkan sebagaimana yang diujahkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri perkataan-perkataan itu boleh membangkitkan perasaan sakit hati dan bermusuhan-musuhan di antara kaum di Malaysia ini, jadi sebab itulah bantahan dibuat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya sudah buat keputusan Yang Berhormat tidak boleh menyentuh perkara itu, teruskan dengan tidak menyentuh perkara itu lagi.

Tuan P. Patto: Perkara apa itu Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Jangan menggunakan perkataan-perkataan yang boleh atau ada makna iaitu peruntukan-peruntukan dibuat dari segi kaum dan diskriminasi di antara kaum.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bahawa kalaulah peruntukan sepertimana diterangkan oleh Tuan Yang di-Pertua dibuat bagi masjid dan sebagainya, tentu ada penganut-penganutnya dan barangkali satu lebih, satu kurang, kalau lebih dan kurang itu sudah tentu ada diskriminasikan?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Jangan Yang Berhormat, kalau menyentuh perkara itu, itu masuk di bawah Peraturan Mesyuarat 36 (10) (c).

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya sudah buat keputusan. Jangan cabar!

Tuan P. Patto: Saya bukan cabar keputusan Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan ucapan.

Tuan P. Patto: Saya teruskan ucapan saya mengenai peruntukan yang diminta untuk diluluskan iaitu sebanyak \$222.571 juta.

Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Shahidan bin Kassim: On a point of order, Peraturan Mesyuarat 44 (1).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya sudah buat keputusan Yang Berhormat, saya sedar!

Tuan Shahidan bin Kassim: Peraturan Mesyuarat 44 (1).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya sedar.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat masih berdegil-degil

dengan keputusan Tuan Yang di-Pertua, dia mesti diarahkan berhenti bercakap. Peraturan Mesyuarat 44 (1), muka surat 49, versi Bahasa Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Baik.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih

Dr Eng Seng Chai: Boleh beri jalan?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): On a point or order atau penjelasan?

Dr Eng Seng Chai: Penjelasan.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dia dahulu.

Dr Eng Seng Chai: Saya hendak minta penjelasan dari Yang Berhormat dari Ipoh, adakah betul dia berkata sebagai jawapan kepada cabaran dari Ahli yang lain, adakah dianaktirikan agama-agama yang

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, saya sudah kata jangan menyentuh perkara itu lagi.

Dr Eng Seng Chai: Bukan dia minta cabaran dan kalau saya tidak salah dengar

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya sudah buat keputusan jangan. Sila duduk, Yang Berhormat!

Dr Eng Seng Chai: Saya belum ada apa-apa salah perkataan, saya kata

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat perkara itu sudah habis, sila duduk. Teruskan.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, sebarang perbelanjaan yang

dilakukan di bawah B.7 yang telah pun dilakukan termasuk juga bagi projek-projek kecil keagamaan.

Saya ingin menarik perhatian di sini bahawa apa yang lebih penting dalam memberi peruntukan-peruntukan, ialah sama ada nilai-nilai keagamaan baik apa agama pun, sama ada nilai-nilai keagamaan itu dapat diterapi dengan mengeluarkan perbelanjaan-perbelanjaan ini. Umpamanya semua agama melarang menipu, mencuri, membunuh termasuk juga berasuah, menyeleweng dan sebagainya, sama ada perbelanjaan yang dibuat bagi maksud keagamaan ini dapat mencapai nilai-nilai ini dan sama ada nilai-nilai ini dapat diterapi ke dalam hati sanubari pihak Kerajaan, itu yang penting. Itu sebabnya saya belum habis ucapan saya tadi

Tuan Shahidan bin Kassim:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, point of order atau penjelasan?

Tuan Shahidan bin Kassim: Peraturan Mesyuarat 36 (10) (c), sebab saya rasa saya menerimanya itu sebagai bermusuhan di antara kaum.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak Yang Berhormat, teruskan!

Tuan P. Patto: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ringkaskan.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, saya bukanlah ustaz atau orang yang paling alim untuk memberi ceramah dalam agama, tetapi sedikit sebanyak yang saya ketahui tentulah setiap agama itu mengajar kita nilai-nilai eternal, nilai-nilai kerohanian sama ada nilai-nilai ini dapat diterapi dalam hati dan sanubari kita itu yang

penting daripada mendapat hasil daripada perbelanjaan. Kalau kita membelanjakan berjuta-juta ringgit tanpa mendapat nilai-nilai ini, apakah perbelanjaan itu sudah membazir? Itu soal pokok saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh bahawa untuk mewujudkan perasaan persaudaraan, persefahaman di antara penganut-penganut agama-agama yang berlainan pada satu ketika dahulu dalam tahun 1960an apa yang disebutkan satu Majlis bernama Majlis Antara Agama (Inter-Religious Council) diadakan, dengan izin. Tetapi entah mengapa dan bagaimana Inter-Religious Council ini sudah luput dan sudah pun dilupakan, walaupun Council ini masih wujud di luar lengkungan Kerajaan. Apa yang saya meminta di sini ialah untuk mewujudkan persefahaman yang lebih erat di antara penganut-penganut agama.

Saya syorkan supaya, dengan izin, Inter-Religious Council ini ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri serentak dengan Pusat Penyelidikan Agama supaya dapat orang-orang yang beragama Islam dan bukan Islam berunding sama tentang perkara-perkara bagi kebaikan dan kesejahteraan negara.

Pasa masa sekarang tidak siapa pun mengetahui siapakah wakil-wakil agama lain apabila sesuatu perkara dirunding, dibincang yang membawa kesan ke atas orang-orang yang bukan Islam. Itulah maksud saya supaya ini ditubuhkan dan juga satu unit khas di

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sila ringkaskan.

Tuan P. Patto: Ya. Satu unit khas di bawah Pusat Penyelidikan Agama dan bukan sahaja untuk agama Islam, tetapi juga untuk bukan Islam supaya

dapat kegiatan-kegiatan ini diselenggarakan bagi kepentingan rakyat seluruh negara. Itu sahaja, terima kasih.

5.50 ptg.

Tuan Ghazali bin Ahmad (Jerai): Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan (Tambahan) 1986, saya ingin menyentuh dalam B.46.

Peranan Jabatan Penerangan ini kita rasa satu peranan yang besar yang juga selalu dipertikaikan oleh parti-parti Pembangkang dalam negara kita. Kerana Jabatan Penerangan ini harus dipergiatkan dengan lebih lagi terutama dalam mengadakan lebih banyak kursus-kursus sivik bukan sahaja untuk penduduk di luar bandar tetapi di bandar sendiri, kerana seringkali penduduk di bandar ini jarang sangat mengikuti kursus sivik. Kursus sivik lebih banyak terkenal di kawasan-kawasan luar bandar di mana petani, nelayan, orang-orang kampung umumnya seringkali mengikuti kursus-kursus ini.

Bagi mereka yang tinggal di bandar kurang sangat diadakan kursus-kursus sivik untuk mereka. Oleh yang demikian, peranan jabatan ini harus lebih giat lagi untuk memahami dasar-dasar Kerajaan kepada rakyat supaya rakyat mengetahui dengan tepat pelaksanaan dan segala dasar-dasar Kerajaan ini. Tidak hairanlah kalau DAP sudah dapat mempengaruhi penduduk di bandar di mana mereka telah mempermainkan soal Dasar Ekonomi Baru dan ini menyebabkan banyak penduduk-penduduk di bandar tidak mengetahui dengan lebih dekat Dasar Ekonomi Baru dan pelaksanaannya.

Bagitu juga di kawasan-kawasan luar bandar di mana PAS telah memainkan banyak peranan mereka menyebabkan telah menjadi satu

keadaan di mana fatwa-fatwa daripada Majlis Agama Islam Negeri-negeri sudah tidak diterima oleh PAS sendiri. Apa yang telah berlaku di Kedah

Dr Eng Seng Chai: Yang Berhormat, minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ya, Yang Berhormat minta penjelasan. Adakah Yang Berhormat beri?

Tuan Ghazali bin Ahmad: Saya tidak beri jalan, kerana masa tidak cukup.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, bagi kawasan luar bandar PAS pula yang memainkan peranannya, kerana itulah fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Negeri bahawa orang-orang PAS tidak mahu menerimanya. Oleh yang demikian, perlulah Jabatan Penerangan memainkan peranan mereka lebih pesat di kawasan luar bandar, janganlah dipilih peserta-peserta dalam kursus-kursus itu terdiri daripada satu golongan sahaja. Seharusnya diberi kepada semua golongan iaitu sama ada dia nelayan, mahupun dia penanam padi, penarik beca, buruh dan berbagai-bagai lagi harus diadakan berbagai bidang dan peringkat supaya mereka lebih lagi memahami sistem pemerintahan negara kita dan demokrasi negara kita ini, kerana ada banyak salah faham di kalangan rakyat tentang sistem pemerintahan demokrasi negara kita. Ada pula ahli-ahli PAS yang menyebut di kampung-kampung bahawa kalau mereka menang bagi dua tiga buah Negeri di utara dalam masa pilihanraya yang lalu, maka boleh mereka memerintah negara ini. Pada orang-orang kampung dengan

cerita-cerita yang sebegini kerana tidak tahu hal demokrasi dan cara sistem Perlembagaan negara kita, maka mereka harus percaya dengan tindak-tanduk PAS ini. Oleh yang demikian, tidak hairan kalau PAS telah menonjolkan sebelum pilihanraya yang lalu di mana Yusof Rawa, Presiden PAS akan menggantikan Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri. Dan beberapa orang tokoh PAS pula akan menjadi ahli Kabinetnya terdiri bersama dengan golongan parti CCC di mana rakan mereka akan menubuhkan Kabinet, sedangkan kerusi yang mereka letak bersama CCC tidak mencukupi untuk menguasai negara. Oleh yang demikian, maka sistem pemerintahan dan Perlembagaan negara dan undang-undang tubuh Kerajaan Negeri harus diberi pengetahuan yang lebih dekat kepada rakyat supaya rakyat lebih tahu tentang Perlembagaan negara kita dan sistem pemerintahan demokrasi dan mengetahui bagaimana Parlimen negara kita dan begitulah tentang pelaksanaan undang-undang dan sebagainya. Apabila rakyat memahami ini maka tidaklah rakyat ditipu terutama oleh golongan-golongan parti Pembangkang seperti DAP dan PAS yang ada di negara kita.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, perkataan "tipu" unparliamentary.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Jangan gunakan perkataan itu.

Tuan Sim Kwang Yang: Ya, tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Nanti sekejap! Tipu siapa? Siapa tipu siapa?

Tuan Ghazali bin Ahmad: Tipu rakyat. Ada orang yang tipu rakyat (*Ketawa*).

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, minta dia tarik balik oleh kerana tadi dia bercakap parti Pembangkang DAP tipu rakyat. Sekarang dia mesti tarik balik perkataan itu. Satu perkataan yang telah dihukum sebagai unparliamentary. Tarik balik (*Tepuk*).

Tuan Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya kata ada orang yang tipu rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Bukan DAP?

Tuan Ghazali bin Ahmad: Bukan DAP.

Tuan Sim Kwang Yang: Okay, boleh (*Ketawa*).

Tuan Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini juga bila saya lihat ketika kempen pilihanraya perlu Jabatan Penerangan ini memainkan peranan lebih kuat lagi dalam mendidik rakyat dalam soal sivik, kerana saya dapati bahawa PAS menampalkan poster-poster sebelum pilihanraya diadakan bukan sahaja di pokok-pokok, di tepi-tepi jalan tetapi sehingga nama-nama jalan dan tanda-tanda batu jalan juga telah ditampal sehingga tidak tahu jalan itu ke mana. Inilah cara-cara yang diletakkan oleh parti-parti Pembangkang ini, kerana mereka tidak tahu bagaimana menggunakan sama ada semangat sivik ada kepada mereka ini. Oleh yang demikian, maka perlu Jabatan Penerangan memainkan peranan mereka supaya mendidikan sivik ini lebih mendalam kepada rakyat supaya rakyat dapat menggunakan dan tidak merosakkan harta-harta awam seperti telefon dan sebagainya yang kerap kali dibuat oleh kenakalan belia-belia kita ataupun orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini juga parti-parti Pembangkang kita amat gelisah dengan cara-cara Jabatan Penerangan ini menjalankan peranannya sehingga mereka pernah mengingatkan bahawa Jabatan Penerangan sebagai satu tenaga kepada parti Barisan Nasional. Sebenarnya mereka satu tenaga yang penting, tenaga Kerajaan, mereka yang bebas daripada parti politik. Tetapi sangkaan-sangkaan buruk ini menyebabkan ada kursus sivik yang telah dipulaukan oleh golongan-golongan parti Pembangkang ini. Oleh yang demikian, saya rasa eloklah Jabatan Penerangan lebih giat, lebih gigih lagi mengadakan bukan sahaja kursus siviknya tetapi adakan lebih banyak, dengan izin, meet the people session ataupun group discussion dengan rakyat supaya rakyat lebih memahami dan mendalami Perlembagaan negara dan sistem demokrasi negara kita dan juga supaya pendidikan sivik yang lebih kuat kepada rakyat supaya rakyat lebih meyakini tentang betapa perlunya mereka hidup sebagai seorang rakyat, warganegara yang bertanggungjawab kepada negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, lagi sekali saya hendak menyentuh tentang prasangka yang buruk berhubung dengan peruntukan yang diberi di bawah B.7, kononnya kata wakil dari Ipoh tadi ada udang di sebalik batu.

Saya juga ingin menyentuh dalam hal ini, kerana sangkaan-sangkaan ini satu sangkaan yang kita tahu bahawa datangnya daripada mereka yang begitu frust, mereka begitu keciwa dalam hendak menguasai negara. Oleh yang demikian, mereka tidak perlu lagi menyebut bahawa ini satu peruntukan memancing undi rakyat dan mereka ingat bahawa inilah satu cara di mana Kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada rakyat, memberi bantuan kepada rakyat atau kehendak rakyat bukanlah menunggu

masa pilihanraya, selalu diadakan apabila peruntukan itu diadakan dari semasa ke semasa. Tetapi sangkaan-sangkaan ini telah menimbulkan satu prasangka yang buruk yang tidak patut ditujukan kepada Kerajaan kerana Kerajaan dengan ikhlasnya mengadakan sesuatu. Itulah nilai keikhlasan yang ada kepada pemimpin Kerajaan kita.

Apakah yang hendak dipersoalkan tentang nilai menggunakan segala peruntukan-peruntukan ini. Ini suatu peruntukan yang betul-betul dikehendaki oleh rakyat kalau memang dipungut wang dari rakyat maka sudah pastilah rakyat akan menerima haknya yang disumbangkan oleh Kerajaan kita.

Saya rasa setakat inilah sahaja perbahasan saya dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini dan saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya minta Timbalan Menteri dari Kementerian Kewangan menjawab di atas kedua-dua masalah.

6.02 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan masing-masing berkenaan dengan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan Pertama 1986 ini tetapi sebelum saya pergi kepada ulasan-ulasan, saya ingin memetik apa yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat dari Bandar Kuching semalam. Saya baca daripada *Hansard* ini yang ada di hadapan saya yang berbunyi:

“Bahawa walaupun perjalanan pada 1hb Oktober ini adalah kali

yang keempat sejak operasi perkhidmatan Feri Malaysia tetapi setiap kali kapal Feri Malaysia ini tidak mengangkat lebih daripada 40 ataupun 50 orang penumpang sahaja." Itu kata dia mengikut tercatat dalam *Hansard* ini.

Saya dapat laporan mengikut yang diberi oleh pihak Feri Malaysia, pihak Feri Malaysia memberi kepada saya perjalanan keempat 27hb hingga 4hb Oktober penumpangnya sebanyak 159 orang. Saya hendak bertanya, kalau jawab tidak betul, beritahu perkara yang tidak betul, adakah itu penipuan ataupun pembohong? (*Tepuk*).

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Itu sahaja yang saya hendak tanya. Saya teruskanlah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sim Kwang Yang: Minta penjelasan.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Minta penjelasan.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Saya rasa tidak sempat lagi. Saya cuma hendak memberitahu sama ada dia cakap betul atau tidak betul. Itu sahaja.

Tuan Sim Kwang Yang: Tidak betul.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Barangkali dia tidak berbohong, cuma dia cakap tidak betul.

Tuan Sim Kwang Yang: Tidak betul.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik:
Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Sebenarnya saya berterima kasih sangat kepada Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching yang telah memberi pandangan yang baik berkenaan dengan Feri Malaysia. Kita sedar bahawa kita telah membuat perbelanjaan yang agak banyak untuk membeli kapal ini yang mana sebenarnya dari segi kapal sahaja kita telah berbelanja campur pbaikan, campur perkakasnya sehinggalah sebanyak \$34 juta. Kita sedari bahawa rancangan ini sememangnya satu rancangan yang kita buat khusus untuk dimajukan dengan tujuan menjadikan, dengan tujuan mewujudkan dengan lebih cepat lagi integrasi di antara rakyat di Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan juga Malaysia. Buat dari segi perancangannya kita sedari bahawa perancangan ini mungkin dari segi ekonominya kurang begitu memuaskan.

Walau bagaimanapun, harus kita fikir bahawa tiap-tiap rancangan yang kita buat, Kerajaan membuat rancangan itu ada kalanya pandangan dari segi sosial, pandangan dari segi penyantuman masyarakat yang diceraikan oleh lautan ini mungkin juga perlu kita fikirkan, maka itulah walaupun pada keadaan ini mungkin dipandang dari segi ekonominya rancangan ini tidak baik seperti yang disebut oleh Wakil dari Kuching semalam tetapi kita percaya dari segi jangka panjang ia akan memberi makna yang banyak kepada negara kita.

Pelancaran ini sebenarnya yang telah dibuat pada hari kemerdekaan telah membawa penumpang yang agak ramai pada waktu itu. Dan seperti yang saya katakan tadi walaupun telah disebutkan oleh Yang Berhormat dari Bandar Kuching, pengangkutannya

hanya membawa 40, 50 orang. Ingin saya memberi angka-angka sebenar.

	Tarikh	Bilangan Penumpang
Pelayaran pertama	—	605 orang
Pelayaran kedua	13-20/9/86	214 ..
Pelayaran ketiga	20-27/9/86	255 ..
Pelayaran keempat	27/9/86-4/10/86	159 ..
Pelayaran kelima	4-11/10/86	293 ..
Pelayaran keenam	11-18/10-86	365 ..

Setakat ini sudah 1,891 orang telah menaiki Feri ini. Jadi kita sedari bahawa penumpang-penumpang yang seharusnya diangkut oleh Feri ini sebenarnya tidak begitu banyak kalau dibandingkan, dengan izin, full capacity, tetapi maklum sahajalah tiap-tiap barang yang baru itu belum lagi mendapat sambutan begitu baik.

Yang Berhormat dari Bandar Kuching juga menyebut tentang kos. Buat masa ini Kerajaan memang tidak bercadang untuk hendak mengurangkan tambang Feri Malaysia ini dari Semenanjung, Sabah dan Sarawak dan juga sebaliknya. Sebenarnya, kadar tambang yang dikenakan oleh pihak Feri Malaysia dari Semenanjung, Sabah dan Sarawak dan sebaliknya adalah kira-kira 30% lebih rendah dari kadar tambang kapal terbang.

Struktur tambang yang disediakan adalah mengikut kelas pada kadar yang paling rendah yang boleh ditawarkan pada ketika ini. Kadar ini pun agak sukar juga untuk menampung kos operasi yang sebenar walaupun dengan subsidi yang diberi oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada kadar tambang ini Feri Malaysia ada juga memberi potongan harga istimewa antara 10% hingga 50% kepada para pesara, orang-orang cacat, penuntut-penuntut dan juga rombongan-rombongan yang besar. Potongan istimewa ini akan dijalankan secara berterusan.

Semalam Yang Berhormat dari Bandar Kuching menyebut tentang promotion, inginlah saya menyebut juga di sini bahawa dari segi usaha penggalakan ataupun, dengan izin, promotion, untuk mempopularkan Feri Malaysia ini, pihak Syarikat Feri Malaysia menawarkan diskaun tambang, ini diskaun tambang istimewa dari semasa ke semasa, misalnya, diskaun istimewa sebanyak 30% ditawarkan dari sekarang hingga hujung tahun 1986, waktu ini barangkali waktu kurang orang melancung, beri kurang lagi 30%.

Sepanjang bulan Oktober pula tawaran istimewa diberi kepada penumpang-penumpang dari Kuantan ke Kuching dan Kota Kinabalu, kemudian balik ke Kuantan dengan tambang sebanyak \$350 selama 6 hari dan bayaran ini termasuk kos makanan. Jadi hari semalam Yang Berhormat dari Bandar Kuching kata mahal, free kita beri—percuma termasuk kos makanan, tempat tidur. Tidur pun boleh beri free lagi dan juga pengangkutan di darat pun diberi free lagi. (*Disampuk*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Dengan ini jelas bahawa Feri Malaysia sentiasa memikirkan tentang kos-kos yang boleh dibiayai oleh penumpang-penumpang dan bagi menggalakkan lebih ramai lagi penumpang-penumpang menggunakan Feri Malaysia untuk saling kunjung-mengunjungi antara Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung Malaysia. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itulah penjelasan saya berkenaan dengan feri yang mana saya katakan tadi bahawa ianya mempunyai unsur-unsur tertentu yang kita fikir dari segi

mempercepatkan lagi proses integrarasi di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

Selepas itu, sahabat saya dari Kepong yang menyebutkan tentang hutang. Dia kata semalam bahawa saya telah menafikan hutang luar negeri, hutang Kerajaan—saya tak jumpa notanya di sini kerana banyak sangat, tetapi saya boleh ingat. Saya hendak sebut sekali lagi, hendak tunjukkan sekali lagi, hendak beritahu sekali lagi kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong, mengenai makna hutang Kerajaan dan makna hutang negara. Saya harap ini kali terakhirlah saya memberi “lecture”, dengan izin, kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

Hutang negara adalah hutang yang dibuat oleh Kerajaan, orang individu, termasuklah Wakil Rakyat sama ada dari DAP ataupun dari Barisan Nasional ataupun badan-badan lain dengan negara lain. Itu hutang negara, tak kira siapa yang buat itu. Sebaliknya hutang Kerajaan adalah hutang yang dibuat oleh Kerajaan sama ada hutang itu di buat dalam negeri ataupun dibuat di luar negeri. Saya harap Ahli Yang Berhormat dari Kepong faham, tak payahlah bangkitkan perkara ini. Angka yang sebenarnya saya hendak bagi. Tadi tak sempat saya hendak jawab soalan nombor 13, cuma sampai soalan 12 sahaja yang naik. Saya hendak beri angka yang sebenarnya mengenai hutang dalam negeri, ertinya hutang Kerajaan. Ini hutang Kerajaan yang diperolehi dari sumber dalam negeri. Hutang Kerajaan dari sumber tempatan adalah sebanyak \$37,936 juta; pinjaman Perbendaharaan ialah \$2,925 juta; pinjaman dari berbagai perdagangan \$1,111 juta, sijil pelaburan \$200 juta. Pinjaman dari Kerajaan Sabah \$4 juta, jumlahnya \$42,177 juta. Ini hutang Kerajaan dalam negeri. Hutang luar negeri dari

pinjaman pasaran ialah \$18,015 juta, pinjaman projek \$6,747 juta, kredit pembekal \$941 juta, pengeluaran dari kumpulanwang antarabangsa \$68 juta, jadi jumlah hutang Kerajaan ialah \$25,773 juta. Itulah jumlah hutang Kerajaan, bukan hutang negara. Ini angka yang betul, dan saya harap selepas ini tidak ada ceritalah (*Ketawa*). Jumlah hutang adalah \$67,950 juta. Kita tidak pernah “deny”, ataupun kita tak pernah menafikan ini kerana Barisan Nasional tak pernah berbohong dan sebab itulah kita terus menang daripada tahun 1955 (*Tepuk*). Habis hal itu. Tuan Yang di-Pertua, kita bukanlah hendak memberi angka-angka yang tak betul, angka-angka yang tak munasabah, kerana kita amat suka memberi angka-angka yang sebenar.

Sebelum saya pergi ke tajuk yang lain, sebelum saya lupa, saya hendak pergi terus kepada teguran yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh. Saya sengaja tadi sabar-sabar sahaja, sebab nama saya pun “Sabbaruddin”, saya sabar selalu (*Ketawa*). Dia kata iaitu kepada saya, tetapi dia kata orang lain semua tak tahu. Saya harap saya tahu. Kata dia, Kerajaan telah menggunakan duit sebanyak \$222 juta lebih sedikit untuk memancing undi. Ada seorang Ahli DAP kata untuk “memancing ikan”—dia tak dapat bezakan memancing ikan dengan memancing undi. Yang sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beri tahu bahawa pada waktu peruntukan sebanyak \$222 juta ini diberi, pada waktu itu pilihanraya tak timbul langsung lagi. Pilihanraya tak semestinya diadakan dalam bulan Ogos yang baru lalu, pilihanraya boleh diadakan tahun hadapan, kerana kita tak pernah memikirkan soal pilihanraya pada waktu itu. Kita hanya bagi kewangan daripada bulan Januari sampai bulan Jun kerana pada waktu itu kita fikir peruntukan ini perlu diberi sebab dari segi membuat anggaran belanjawan, kita tidak boleh

membuat anggaran dengan begitu tepat sekali, malahan tidak pernah satu-satu Kerajaan atau mana-mana Kerajaan boleh membuat anggaran dengan tepat.

Tadi Ahli Yang Berhormat dari Ipoh kata sekarang sudah berbeza cara dengan cara dahulu. Soal yang dahulu-dahulu, saya tak tahu, tetapi kalau tak silap saya, ini kali yang kesepuluh saya membentangkan anggaran tambahan.

Inilah gayanya tiap-tiap kali, tak pernah pula berbeza, kita tak pernah berbuat bohong, kita adakan angka-angka, setelah itu kita beri penjelasan kita dan kita beri Kertas-kertas Perintah 28, 29, 30, 31, 32, 33 dan seterusnya. Berapa banyak lagi angka-angka kita hendak beri, tetapi kalau kita hendak tulis satu persatu seperti jabatan ini \$500, jabatan itu \$500, mungkin 10,000 muka surat pun tak cukup. Jambatan-jambatan

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Saya bagi peluang, Tuan Yang di-Pertua.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana sanggup sabar dan sanggup mendengar. Adakah Yang Berhormat bercadang bahawa kita patut mengadakan satu institut statistik yang benar-benar bebas untuk mengkaji, meneliti apa angka-angka yang dikeluarkan kerana Ahli Yang Berhormat bukan Tuhan dan bukan juga malaikat? (*Ketawa*).

Perkara yang kedua, adakah Yang Berhormat itu berpendapat bahawa walaupun peruntukan ini dibuat bukan mengikut arus pilihanraya tetapi apabila Ahli-ahli Barisan Nasional itu hendak buat kempen pilihanraya, dia sengaja membuat pengumuman tanpa merujuk kepada Perbendaharaan. Jadi inilah yang saya maksudkan dan

apakah pendapat Ahli Yang Berhormat itu? (*Tepek*).

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, seseorang Wakil Rakyat itu kalau dia hendak memberi, dia hendak meluluskan satu-satu projek itu terpulang kepada dia kalau dia ada duit. Kalau dia ada duit, dia boleh meluluskan. Kita tak ada halangan. Kalau sekiranya DAP pula, kalau hendak luluskan peruntukan sendiri, luluskanlah di tempat saya, kita tak soal. Tetapi kalau dia tak ada duit, dia tak hendak bagi, apa saya hendak buat? Saya hendak bagi dia duit, saya tak ada duit.

Peruntukan ini bukan duit saya, tetapi duit Kerajaan. Saya cuma mengatakan tadi yang \$222 juta ini telah digunakan bukan untuk memancing undi tetapi telah dipergunakan untuk keperluan semua rakyat, tak kira sama ada orang-orang itu adalah dari DAP, SDP, UMNO, MCA, MIC GERAKAN dan sebagainya—tak kira.

Kalau kita memberi peruntukan untuk surau misalnya, semua orang boleh sembahyang, kalau orang PAS hendak sembahyang, sembahyanglah, tetapi kalau hendak imam lain tak boleh, kena ikut imam itu. Peruntukan yang diberi kepada kuil pun begitu juga, bukan kuil itu hanya boleh digunakan oleh MIC, tetapi ahli-ahli DAP pun boleh pergi ke kuil itu. Soal sama ada dia DAP atau dia Barisan Nasional, dia UMNO, sudah tentu kita tahu lebih ramai adalah orang UMNO, sebab itu ramai Ahli-ahli Yang Berhormat di sini terdiri daripada Barisan Nasional. (*Ketawa*).

Kalau sekiranya ramai DAP, takkanlah 24 orang sahaja. Itu sudah memanglah. Apabila ramai pengikut-pengikut Barisan Nasional maka ramailah yang mendapat dan menerima faedahnya daripada wakil-wakil Barisan Nasional. Ini logik.

(Ketawa). Jadi, Tuan Yang di-Pertua—Ah! hendak tanya, tanyalah (Ketawa). Tadi cabar sangat, takut! Tanya! (Ketawa).

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ada sedikit pun menggunakan peruntukan-peruntukan, seolah-olah Ahli dari Ipoh tadi membayangkan kononnya kita menggunakan wang ini kerana hendak pilihanraya, adakah kita jujur kerana ada udang sebalik batu, udang apa sebalik batu? Anak ikan pun tidak ada, batu (Ketawa) besar mana! Kita tidak ada buat apa-apa, Tuan Yang di-Pertua. Kita memberi bantuan-bantuan ini adalah untuk kepentingan semua orang. Kita tidak pernah pergi, misalannya ke kampung-kampung baru, berapa orang UMNO di sini, berapa orang MIC, berapa orang MCA, kita bagi, kalau terdapat ramai orang DAP tidak bagi, tidak pernah! Kita beri terus, kalau hendak beri kita beri, kemudian itu setelah kita berbudi, bak kata orang Melayu, kalau orang berbudi, apa?

Puan Napsiah binti Omar: Kita membalas.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Dia berbahasa, orang memberi, kita merasa, itu dia gayanya (Ketawa).

Jadi kalau kita sudah berbudi dengan dia, dia hendak balas jasa baik kita, Alhamdulillah! Tidak salah. Tidak salah berbuat baik dan tidak salah bagi orang yang membalas budi. Orang yang berakal fikiran yang baik memang membalas budi, itu memang sudah manusia begitu. Kecualilah ada setengah-setengah orang itu, lagi kita baik dengan dia, lagi dia tidak balas budi. Itu saya tidak tahulah (Ketawa).

Tuan Yang di-Pertua, kita haraplah Ahli dari Ipoh seboleh-bolehnya janganlah balik tadi. Jangan lepas cakap, hentam sana, hentam sini, mengeluarkan cara-cara walaupun

saya tidak mengeluarkan Peraturan Mesyuarat tadi, tetapi seolah-olah menunjukkan kita ini tidak jujur, seolah-olah menunjukkan kita ini menggunakan duit itu hanya untuk memancing undi, seolah-olah kita berbuat sesuatu dengan tidak bermaksud yang baik. Hinggakan dia menyoalkan: kata dia, dia bukan ustaz. Tidak payah cakap dia bukan ustaz, sebab dia bukan Islam pun, (Ketawa) memang dia bukan Islam, saya tahu, dia kata dia bukan ustaz. Adakah kita boleh dapat nilai-nilai agama itu dengan memberi duit dan sebagainya? Tuan Yang di-Pertua, hendak buat kuil pun hendakkan duit. Macam mana boleh buat kuil kalau tidak ada duit. Hendak buat masjid pun hendakkan duit, hendak buat tokong pun hendakkan duit, sudah tentu perlu, kenapa pula disangsikan lagi fasal agama ini? Sebaik-baiknya kalau sudah beri patut bersyukur kepada Kerajaan Barisan Nasional, beri duit untuk agama tidak kira sama ada agama Islam, Hindu, Siam, agama apa lagi semua diberi untuk kebaikan kita bersama. Kalau diberi barangkali, lebihlah sedikit agama Islam, kuranglah sedikit agama Hindu, barangkali sebab Hindu kurang daripada orang Islam. Sudah patut begitu. Tetapi di tempat saya, Hindu hendak buat kuil, saya bagi.

Dr Tan Seng Giaw: Yang sekarang inikah?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Jangan ganggu!

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Awak tidak percaya sudahlah (Ketawa). Kita berharap khususnya Ahli dari Ipoh iaitu yang kita tidak melonggokkan segala angka-angka ini kerana kita takut memberitahu apa yang kita perbelanjakan. Maka itulah kita membenarkan mengikut peraturan diberi sehari untuk berbincang.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Saya ikut, Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak habis sekarang pun boleh, hari esok pun boleh habis (*Ketawa*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): 3, 4 minit lagi.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: 3, 4 minit lagi! Mengikut saya katakan semalam waktu membentangkan T.11 yang mana sebahagian daripada wang sebanyak \$197,500,000 adalah merupakan Perbelanjaan Tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu. Ertinya tidak pernah diperbincangkan. Walau bagaimanapun, untuk hendak memuaskan hati wakil dari Ipoh dan juga sahabat saya dari Kepong, hari ini saya hendak beri juga penerangan tentang T.11 ini. Peruntukan sebanyak \$197.5 juta ini sebenarnya adalah satu peruntukan yang perlu untuk membayar tunggakan, pemberian, penyelenggaraan jalan raya bagi negeri-negeri disebabkan oleh pertukaran dasar. Waktu dahulunya penyelenggaraan jalan-jalan raya ini diberi mengikut purata bagi satu batu sekian banyak harganya penyelenggaraan, tetapi mulai daripada tahun 1986 telah di ubah cara ini didasarkan kepada national average, jadi penyelenggaraan ini berdasarkan kepada purata dan jumlah batu yang berbeza-beza di antara negeri-negeri.

Apabila berbeza-beza itu, maka tidak dapatlah kita memberi angka yang tepat pada waktu kita membuat anggaran dahulu. Janganlah seperti yang dikatakan oleh wakil dari Ipoh tadi, seolah-olah kita tidak tahu buat anggaran, sengaja di masukkan \$197 juta untuk jalan, last minute, dengan izin, kononnya. Jadi sebenarnya ini adalah satu peruntukan

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, boleh lagi setengah minit.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Ini adalah satu peruntukan yang diberi di bawah Perkara 109 (1) (6) Perlembagaan negara kita. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa sudah tidak mengizinkan, saya berterima kasihlah kepada semua yang lain-lain yang saya rasa telah banyak memberi pandangan-pandangan termasuk mereka yang memberi pandangan tentang pertanian, Polis, Penerangan, KEMAS dan sebagainya yang mana sudah tentulah saya percaya tiap-tiap Kementerian berkenaan akan mengambil ingatan di atas teguran-teguran ini.

Saya percaya teguran-teguran yang membina ini akan membaiki lagi kita, tetapi walau bagaimanapun sudah tentulah tiap-tiap kali kita membuat anggaran belanjawan tidak boleh kita membuat dengan tepat oleh sebab bertukarnya keadaan, bertukarnya kos barang-barang, bertukarnya situasi-situasi yang tertentu.

Maka dengan itu, Tuan Yang di-Pertua sekianlah sahaja. Terima kasih. Wassalam-mualaikum-warahmatullah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini

diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$742,096,740 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun Kewangan 1986, untuk menampung sejumlah

\$742,096,740 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1986 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 30 Tahun 1986 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesembilan dan kesepuluh penyata tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup, Dewan ditangguhkan sekarang hingga pukul 3.00 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.03 petang.